

ISU YANG TIMBUL DI BAWAH PROSES PENGAMBILAN TANAH ORANG
ASLI DAN ORANG AWAM (KAJIAN KES: STULANG LAUT)

DHANIAH BINTI AHMAD FADELLAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

Nama Penulis : DHANIAH BINTI AHMAD FADELLAH
 Tarikh Lahir : 19 APRIL 1994
 Judul : ISU YANG TIMBUL DIBAWAH PROSES PENGAMBILAN
 TANAH ORANG ASLI DAN ORANG AWAM (KAJIAN KES:
 STULANG LAUT)
 Sesi Akademik : **2018/2019**

Saya mengesahkan tesis ini diklasifikasikan sebagai:

- SULIT** (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti termaktub dalam AKTA RASMI 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)*
- TIDAK TERHAD** Saya bersetuju bahawa tesis saya boleh diterbitkan sebagai Tidak Terhad (Lengkap)

Saya mengesahkan bahawa Universiti Teknologi Malaysia berhak untuk:

1. Tesis ini adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

Di sahkan oleh:

TANDATANGAN PELAJAR

TANDATANGAN PENYELIA

940419-08-5710

SR DR TAN LIAT CHOON

(No. KP/No Passport)

NAMA PENYELIA

Tarikh: 30 Mei 2019

Tarikh: 30 Mei 2019

NOTA: Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

*“Saya akui telah membaca tesis ini dan pada pandangan saya,
tesis ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik)”.*

Tandatangan : _____
Nama Penyelia : **SR DR TAN LIAT CHOON**
Tarikh : **30 MEI 2019**

ISU YANG TIMBUL DI BAWAH PROSES PENGAMBILAN TANAH ORANG
ASLI DAN ORANG AWAM (KAJIAN KES: STULANG LAUT)

DHANIAH BINTI AHMAD FADELLAH

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2019

PENGAKUAN

Saya akui bahawa tesis “ISU YANG TIMBUL DI BAWAH PROSES PENGAMBILAN TANAH ORANG ASLI DAN ORNG AWAM (KAJIAN KES: STULANG LAUT” ini adalah hasil penyelidikan saya sendiri kecuali yang disebut dalam rujukan. Tesis ini belum diterima untuk apa-apa ijazah dan disampaikan dalam penganugerahan mana-mana ijazah lain

Tandatangan :
Nama : **DHANIAH BINTI AHMAD FADELLAH**
Tarikh : **30 MEI 2019**

DEDIKASI

Istimewa kepada yang paling disayangi

Abah dan Emak

Ahmad Fadellah Bin Shahrudin Dan

Hafizah Binti Badaruzaman

Adik beradikku, Nabihah dan Danish

Terima kasih atas segala doa, pengorbanan, dorongan dan sokongan yang tidak henti-henti

Berkat doa dan restumu akhirnya anakmu dapat mencapai kejayaan yang diimpikan

Kepada rakan-rakan seperjuanganku,

Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan terutama sekali bagi rakan kelas

Terima kasih atas segala sokongan dan dorongan yang diberikan

Sentiasa memberi semangat walau dalam apa jua keadaan

Sentiasa berkongsi pengalaman dan ilmu

Semoga persahabatan kita semua berkekalan hingga ke jannah dan semoga berjaya dalam bidang yang diceburi

Salam sayang buat kalian

PENGHARGAAN

Dengan Nama ALLAH Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Seterusnya selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sahabat handai kerana pengorbanan mereka yang tidak terhingga. Di sini, penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Sr Dr Tan Liat Choon selaku penyelia kajian yang banyak memberikan tunjuk ajar, sokongan dan dorongan sepanjang tempoh kajian ini. Terima kasih juga kerana sentiasa memberi nasihat dan pandangan dalam menjayakan kajian ini.

Di kesempatan ini, tidak lupa juga kepada abah dan emak, adik-beradik dan sahabat-sahabat serta rakan seperjuangan yang sentiasa mendoakan, memberi semangat dan sokongan dalam menyiapkan tesis ini. Selain itu, di kesempatan ini jutaan penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberikan tunjuk ajar, semangat dalam menyiapkan Projek Sarjana Muda ini.

Jutaan terima kasih juga kepada pihak responden yang telah banyak memberikan kerjasama dalam mengumpul maklumat bagi menjayakan tesis ini. Seterusnya sekalung penghargaan kepada semua pensyarah di Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia sepanjang tempoh pembelajaran. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada rakan seperjuanganku 4SGHU (Kejuruteraan Geomatik) sesi 2016/2017 selama tiga tahun disini tidak bermakna tanpa kehadiran anda semua. Semoga Allah yang dapat membalas jasa baik kalian semua.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Berdasarkan Akta Pengambilan Tanah 1960 adalah merupakan satu set undang-undang yang digubal untuk mengambil balik tanah milik individu bagi tujuan maksud awam. Sistem Torrens yang diamalkan oleh Malaysia melalui Kanun Tanah Negara 1965 hanya memberi kepentingan terhadap tanah yang didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Tanah, manakala tanah Orang Asli yang diwarisi dari generasi ke generasi tidak termasuk dalam sistem pendaftaran. Namun sekiranya pengambilan tanah berlaku, ia boleh menyebabkan seseorang pemilik tanah keliru memikirkan tindakan yang sepatutnya mereka lakukan, lebih-lebih lagi jika pampasan yang ditawarkan jauh lebih rendah dari apa yang dijangkakan. Kajian ini meliputi aspek pengambilan tanah bagi kawasan Kampung Orang Asli Stulang Laut dan pengambilan tanah orang awam (Taman Stulang Laut) untuk tujuan pembinaan awam. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti isu yang berlaku dalam pengambilan tanah bagi kawasan yang terlibat, mengenalpasti usaha-usaha penyelesaian isu pengambilan tanah dan menganalisis penentuan pampasan yang diberikan oleh pihak berkuasa. Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah primer telah digunakan melalui sesi temu bual dengan jabatan yang terlibat dan juga pengedaran borang soal selidik kepada masyarakat. Hasil kajian mendapati isu pembangunan dan penggunaan tanah oleh pihak berkuasa, isu pampasan, kelewatan bayaran pampasan, dan hak tanah yang dibangkitkan oleh masyarakat. Oleh itu, dengan adanya perundangan, hak bersuara, ketelusan oleh pentadbir tanah dan sokongan padu daripada semua pihak adalah merupakan usaha penyelesaian kepada isu tersebut. Penentuan nilai pampasan yang diberikan adalah bergantung kepada nilai kerugian yang dialami. Akhir sekali, dengan adanya penyelesaian isu pengambilan tanah masyarakat orang asli dan orang awam dapat dikurangkan bagi menjamin kepentingan semua pihak yang terlibat.

ABSTRACT

Based on the Land Acquisition Act 1960 is a set of laws enacted to take back individual land for public purposes. The Torrens system practiced by Malaysia through the National Land Code 1965 only gives importance to the land registered in the Land Registry, while Aboriginal lands inherited from generation to generation are not included in the registration system. However, if the land acquisition occurs, it may cause the landowner to mistakenly think of the actions they are supposed to do, especially if the compensation offered is much lower than what is expected. This study covers the aspects of land acquisition for the Kampung Orang Asli Stulang Laut area and public (Taman Stulang Laut) for public purposes. The objective of this study is to identify the issues that arise from the land acquisition, to identify the solutions of land acquisition issues and to analyze the determination of compensation provided by the authorities. In order to achieve the objective of this study, the primary method was used through interviews with the departments involved as well as the distribution of questionnaires to the community. The result shows issues of land development and land use by authorities, compensation issues, delay in compensation payments and land rights raised by the community. Thus, with the legislation, the right of expression, transparency by land administrators and support from all parties is the perfect solution to the issue. The determination of the compensation is dependent on the value of the loss. Finally, with the land acquisition conflict resolution on aboriginal people and the public can be reduced to ensure the interests of all parties involved.

KANDUNGAN

	TAJUK	HALAMAN
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xi
	SENARAI SINGKATAN	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Penyataan Masalah	2
	1.3 Objektif Kajian	3
	1.4 Skop Kajian	3
	1.5 Signifikasi Kajian	4
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	7
	2.1 Pengenalan	7
	2.2 Orang Asli Seletar (Kampung Stulang Laut)	7
	2.3 Orang Awam (Taman Stulang Laut)	10
	2.4 Pengenalan Orang Asli	11
	2.5 Undang-Undang Berkaitan Pengambilan Tanah di Malaysia	12
	2.5.1 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)	13
	2.5.2 Akta Pengambilan Tanah 1960	14
	2.5.3 Sistem Torrens	15

2.5.4	Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597)	16
2.5.5	Kanun Tanah Negara 1965	18
2.5.6	Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Terhadap hak Orang Asli (UNDRIP)	19
2.5.7	Perlembagaan Persekutuan 1957	20
2.6	Isu dalam Pengambilan Tanah	21
2.7	Kesimpulan	22
BAB 3	METODOLOGI	23
3.1	Pengenalan	23
3.2	Carta Alir Kajian	24
3.3	Kaedah Penyelidikan	25
3.3.1	Fasa I: Penyataan Masalah dan Kajian Literatur	25
3.3.2	Fasa II: Pengumpulan Data	26
3.3.2.1	Rekabentuk Borang Soal Selidik	27
3.3.2.2	Pemerhatian	28
3.3.3	Fasa III: Hasil dan Analisis	28
3.3.4	Fasa IV: Kesimpulan dan Cadangan	29
3.4	Kesimpulan	29
BAB 4	HASIL KAJIAN	31
4.1	Pengenalan	31
4.2	Demografi Kajian	32
4.3	Hasil Kajian	33
4.4	Hasil Analisa	33
4.4.1	Analisa Bahagian A: Maklumat Responden	34
4.4.2	Analisa Bahagian B: Temubual	35
4.4.2.1	Objektif 1: Untuk Mengenalpasti Isu yang Berlaku Akibat daripada Pengambilan Tanah	35
4.4.2.2	Objektif 2: Mengenalpasti Usaha-usaha Penyelesaian Isu Pengambilan Tanah	38

4.4.2.3	Objektif 3: Menganalisis Penentuan Pampasan yang Diberikan oleh Pihak Berkuasa	40
4.4.3	Analisa Bahagian C: Kefahaman Umum	43
4.4.4	Analisa Bahagian D: Pandangan Umum	48
4.5	Kesimpulan	56
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	59
5.1	Pengenalan	59
5.2	Pencapaian Objektif	59
5.2.1	Objektif Pertama: Untuk Mengenal Pasti Isu yang Berlaku dalam Pengambilan Tanah	59
5.2.2	Objektif Kedua: Mengenal Pasti Usaha-usaha Penyelesaian Isu Pengambilan Tanah	60
5.2.3	Objektif Ketiga: Menganalisis Penentuan Pampasan yang Diberikan oleh Pihak Berkuasa	61
5.3	Cadangan Kajian	62
5.4	Kesimpulan	62
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	63
	RUJUKAN	65
	LAMPIRAN	67

SENARAI JADUAL

NO JADUAL.	TAJUK	HALAMAN
Jadual 2.1	Taburan Suku Kaum Orang Asli di Malaysia	11
Jadual 3.1	Kategori Soalan Borang Soal Selidik	27
Jadual 4.1	Kategori Responden	32
Jadual 4.2	Responden Temu bual daripada Pihak Kerajaan	35

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
Rajah 1.1	Kampung Orang Asli Stulang Laut dan Taman Stulang Laut	4
Rajah 2.1	Lokasi Geografi Orang Seletar, Johor	7
Rajah 2.2	Orang Asli Melakukan Kerja-kerja Nelayan	8
Rajah 2.3	Kediaman Orang Asli Seletar di Kampung Kuala Masai	9
Rajah 2.4	Kawasan Taman Stulang Laut	10
Rajah 3.1	Carta Alir Metodologi	26
Rajah 4.1	Tempoh Pengalaman Kerja	34
Rajah 4.2	Pengetahuan Mengenai Isu PBT	43
Rajah 4.3	Masalah dalam Menangani Isu	44
Rajah 4.4	Tindakan Pihak Berkuasa Dalam PBT	45
Rajah 4.5	Kerjasama yang Diberikan oleh Pemilik Tanah	45
Rajah 4.6	Kesukaran Menghubungi Pemilik Tanah	46
Rajah 4.7	Keperluan PBT bagi Tujuan Pembangunan	47
Rajah 4.8	Bantahan daripada Pemilik Tanah	48
Rajah 4.9	Pengetahuan Masyarakat Mengenai Prosedur Pengambilan Balik Tanah	49
Rajah 4.10	Pandangan Mengenai Pertikaian dengan Pihak Berkuasa dalam Proses PBT	50
Rajah 4.11	Pandangan Responden Sekiranya Pampasan Mengikut Harga Semasa	51
Rajah 4.12	Pandangan Responden Terhadap Nilai Pampasan yang Setimpal	52
Rajah 4.13	Sebab-Sebab Ketidaksetujuan Nilai Pampasan Adalah Setimpal	53
Rajah 4.14	PBT Memberi Manfaat Kepada Masyarakat dan Negara	54
Rajah 4.15	Bentuk Nilai Pampasan yang Difikirkan Sesuai	55
Rajah 4.16	Kesan Kepada Diri Sekiranya PBT Dilakukan	56

SENARAI SINGKATAN

APT	-	Akta Pengambilan Tanah
JAKOA	-	Jabatan Kemajuan Orang Asli
PTG	-	Pejabat Tanah Dan Galian
PDT	-	Pejabat Daerah Dan Tanah
PBB	-	Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
PP	-	Perlembagaan Persekutuan 1957
KTN	-	Kanun Tanah Negara 1965
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
SUHAKAM	-	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
PBT	-	Pengambilan Balik Tanah
UNDRIP		United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
Lampiran A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Projek Sarjana Muda	67
Lampiran B	Borang Soal Selidik	71
Lampiran C	Pelan Akui Rizab Orang Asli Seletar, Kampung Kuala Masai	78
Lampiran D	Kawasan Kampung Stulang Laut dan Taman Stulang Laut	79
Lampiran E	Kemudahan di Kampung Kuala Masai	79

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat yang paling awal di sesebuah wilayah itu. Ia adalah masyarakat yang merupakan golongan awal yang menetap di sesuatu kawasan serta telah membangunkan pelbagai tanaman bagi menyara kehidupan mereka (Suhada, 2016). Oleh itu, terdapat punca-punca penghidupan, kebudayaan, kerohanian, adat dan undang-undang orang asli adalah berbeza dengan masyarakat dominan sesebuah negara. Di wilayah warisan mereka, masyarakat Orang Asli masih lagi mengekalkan hubungan yang tersangat rapat dengan tanah, hutan, sungai dan lain-lain sumber alam. Kebergantungan mereka terhadap sumber-sumber alam di situ telah mendorong mereka untuk menetap di kawasan tersebut yang diwarisi sejak turun temurun. Sebelumnya, kehidupan masyarakat orang asli tidak pernah diganggu oleh mana-mana pihak di mana mereka bebas melakukan apa sahaja terhadap kawasan penempatan mereka. Masyarakat Orang Asli mula membuat tuntutan bahawa kehidupan yang mereka jalani tidak terletak di tangan pemerintah tetapi adalah berdasarkan kepada pilihan mereka. Selain itu, mereka juga telah mendapat sokongan daripada organisasi bukan kerajaan (NGO) dan komuniti antarabangsa yang mana telah mengiktirafkan Orang Asli sebagai pemilik sah bagi tanah, kawasan serta sumber yang terdapat disekeliling mereka.

Walaupun masyarakat pribumi ini merupakan golongan minoriti yang wujud di seluruh dunia, namun di negara- negara tertentu, kerajaan telah mengiktiraf hak pribumi termasuk tanah yang mereka duduki melalui proses tuntutan di mahkamah dan perundingan. Sistem Torrens yang diamalkan oleh Malaysia melalui Kanun Tanah Negara 1965 hanya memberi kepentingan terhadap tanah yang didaftarkan di Pejabat Pendaftar Tanah, manakala tanah Orang Asli yang diwarisi dari generasi ke generasi tidak termasuk dalam sistem pendaftaran. Walau bagaimanapun, hak-hak masyarakat

ini telah dibuktikan di bawah satu perundangan iaitu Perlembagaan Persekutuan 1957 yang menyatakan bahawa hak peng wartaan sebarang kawasan orang asli atau rizab orang asli adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Namun begitu, dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) tidak memberi mandat kepada Orang Asli untuk mendapatkan pampasan daripada pengambilan tanah. Berbanding dengan orang awam, mereka akan diberi keutamaan dalam mendapatkan pampasan di mana mereka telah termaktub dalam perundangan yang telah ditetapkan. Secara kesimpulannya, proses pengambilan tanah yang melanda kawasan perkampungan Orang Asli dan orang awam sering kali menjadi isu perdebatan dalam mencapai pembangunan ke arah kemodenan.

1.2 Penyataan Masalah

Secara umumnya, pengambilan balik tanah yang dilakukan oleh pihak kerajaan di kawasan tanah Orang Asli dan orang awam telah menimbulkan konflik di antara pihak yang terlibat dengan pemilik tanah (Suruhanjaya, 1994). Hal ini telah menyebabkan pemilik tanah kehilangan tempat tinggal serta kawasan pencarian sumber bagi menyara kehidupan mereka. Oleh itu, timbul permasalahan yang membabitkan pembangunan dan penggunaan tanah yang dibangunkan oleh pihak berkuasa telah menimbulkan ketidakpuasan hati masyarakat dalam menyerahkan tanah mereka kepada pihak berkuasa. Selain itu, ia tidak adil untuk membiarkan isu ini berlarutan untuk menuntut ganti rugi selepas tanah mereka dibangunkan dan menilai harga tanah di kawasan tersebut.

Tambahan pula, kepentingan hanya diberikan kepada individu yang telah mendaftarkan tanah mereka di Pejabat Pendaftar Tanah. Kerajaan Negeri berhak untuk mengambil semula sebarang tanah orang awam mahupun tanah Orang Asli melalui Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi tujuan maksud awam yang memberi manfaat kepada pembangunan. Berdasarkan keputusan Mahkamah Tinggi pada 2010 itu, semua plaintif perlu dibayar pampasan mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960, berhubung pengambilan balik yang salah di sisi undang-undang. Dalam keputusan itu, pampasan terbabit membabitkan Orang Asli Seletar atau dikenali 'Orang Selat' yang

mendiami tanah di kawasan Stulang Laut dan orang awam perlu ditaksirkan Pentadbir Tanah Johor Bahru.

1.3 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui isu dan masalah pengambilan tanah orang asli dan orang awam terutamanya di Stulang Laut, Johor Bahru. Oleh itu, terdapat beberapa objektif yang terkandung:

- a) Untuk mengenal pasti isu yang berlaku akibat daripada pengambilan tanah
- b) Mengenalpasti usaha-usaha penyelesaian isu pengambilan tanah
- c) Menganalisis penentuan pampasan yang diberikan oleh pihak berkuasa

1.4 Skop Kajian

Skop kajian kes yang akan dilakukan adalah seperti berikut:

- a) Kajian ini telah dijalankan di sebuah perkampungan Orang Asli iaitu perkampungan Kampung Orang Asli Stulang Laut dan kawasan penempatan orang awam iaitu Taman Stulang Laut. Kawasan ini telah dipilih kerana ia terlibat dengan proses pengambilan tanah di kawasan tersebut dengan tujuan pembangunan bagi maksud kepentingan awam seperti yang telah dinyatakan di dalam Akta Pengambilan Tanah 1960.
- b) Kajian ini dibuat berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi hasil temu bual daripada Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan masyarakat Stulang Laut. Edaran borang soal

selidik juga diedarkan kepada jabatan dan masyarakat yang terlibat. Seterusnya data-data di kumpul, diolah dan dianalisis.



Rajah 1.1: Kampung Orang Asli Stulang Laut dan Taman Stulang Laut.

(Sumber: Google Earth)

1.5 Signifikasi Kajian

Pengetahuan mengenai isu pengambilan tanah adalah merupakan isu paling hangat di Semenanjung Malaysia. Sumbangan kajian ini adalah untuk memberikan pemahaman sebenar kepada masyarakat terutama di Malaysia mengenai isu pengambilan tanah di antara orang asli dan orang awam serta perundangan yang berkaitan dengan tanah. Mendedahkan kepada orang ramai sejauh mana penyelesaian yang dilakukan oleh pihak berkuasa dalam menangani masalah yang dihadapi. Perbezaan yang dapat dilihat iaitu pengambilan tanah Orang Asli dan orang awam dapat dijelaskan dari pelbagai sudut serta mendapati bahawa pentingnya pemilik tanah mengetahui hak-hak mereka dalam pengambilan tanah terutama dalam menerima pampasan daripada pihak berkuasa yang terdapat di negeri Johor. Seramai 320 penduduk masyarakat orang asli yang masih menunggu pampasan mereka setelah diarahkan untuk berpindah ke Kampung Orang Asli Kuala Masai. Selain itu, kajian ini memaparkan beberapa isu yang berlaku, serta menganalisis penentuan pampasan serta

kaedah penyelesaian terhadap masalah. Walau bagaimanapun seperti yang diketahui, hak-hak orang asli terhadap tanah tidak digubal secara formal seperti orang awam yang semestinya adalah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 di mana mereka perlu ikut nilai hartanah dan beberapa perkara lain.


BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan mengenai kajian literatur yang melibatkan kepada isu pengambilan tanah orang asli dan orang awam di Malaysia khususnya di Stulang Laut, Johor Bahru. Oleh itu, pendefinisan terhadap orang asli dan orang awam juga di letakkan di dalam bab ini. Selain itu, undang-undang yang berkaitan dengan pengambilan tanah yang terlibat dalam proses pengambilan tanah juga dijalankan di dalam bab ini.

2.2 Orang Asli Seletar (Kampung Stulang Laut)



Rajah 2.1: Lokasi Geografi Orang Seletar, Johor.

(Sumber: Zulkiffleeh, 2018)

Orang Seletar adalah salah satu daripada 18 suku yang membentuk kaum Orang Asli di Malaysia. Masyarakat ini tergolong dalam kumpulan Melayu Proto iaitu

satu daripada tiga kumpulan utama kaum Orang Asli dan mereka juga bertutur dalam Bahasa Orang Seletar. Orang Seletar berasal dari Pulau Seletar, Singapura. Mereka adalah penduduk peribumi Singapura dan antara terawal yang mendiami di pulau tersebut. Mereka juga dikenali sebagai kaum orang laut yang menetap di dalam sampan panjang dan hidup secara nomad di permukaan laut, pesisir pantai, kuala sungai dan pulau. Walau bagaimanapun, mereka telah menetap di kawasan darat Semenanjung Malaysia serta memiliki kawasan perkampungan mereka sendiri. Pada masa itu, hanya terdapat seramai 11 buah keluarga dengan bilangan penduduk seramai 64 orang dan diketuai oleh Batin Bin Nentah. Mereka juga membina rumah sendiri yang menyerupai rumah nelayan tradisional Melayu.

Kini, orang seletar telah menetap di Bandaraya Johor Bahru yang bertempat di pinggir Selat Tebrau yang memisahkan antara Malaysia dengan Singapura. Selain itu, kawasan ini meliputi seluas 185 km persegi. Pada tahun 1855, kawasan ini ialah merupakan sebuah kampung perikanan Melayu yang nama asalnya Tanjung Puteri yang diasaskan oleh Raja Temenggung Tun Daeng Ibrahim iaitu bapa kepada Sultan Abu Bakar Daeng Ibrahim.



Rajah 2.2: Orang Asli Sedang Menjalankan Kerja-Kerja Nelayan.

(Sumber: Zulkiffleeh, 2018)

Meskipun kaum ini adalah sebahagian daripada kaum Orang Laut, kini Kerajaan Malaysia telah mengkategorikan suku mereka adalah sebahagian daripada kaum Orang Asli. Antara beberapa buah kampung yang terdiri daripada suku kaum Seletar, ialah Kampung Orang Asli Stulang Laut, Kampung Orang Asli Telok Jawa


dan Kampung Orang Asli Bakar Batu. Kesemuanya adalah terletak di Daerah Johor Bahru. Secara tradisinya, kaum ini sangat bergantung kepada hasil laut kerana ia telah menjadi amalan tradisi mereka sejak dahulu lagi bagi menyara kehidupan keluarga mereka. Meskipun begitu, mereka giat menjalankan aktiviti menangkap ikan seterusnya menjualnya di pasar pagi atau pasar Segar. Hal ini kerana mereka sudah terbiasa sejak zaman nenek moyang mereka di mana dahulunya penjualan hasil-hasil laut kepada penduduk setempat adalah tidak popular di Stulang Laut.



Rajah 2.3: Kediaman Orang Asli Seletar di Kampung Kuala Masai.

Pada tahun 1993, Batin Bacik dan anak-anak buahnya yang tinggal di Kampung Stulang telah diarahkan supaya berpindah oleh Majlis Perbandaran Johor Bahru (MPJB) (kini dikenali sebagai Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) atas alasan kawasan tersebut akan dibangunkan untuk dijadikan Kompleks Perdagangan Bebas Cukai Antarabangsa. Pada awal tahun 2002, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri (JHEOA) Johor telah memajukan sebuah kawasan di Kuala Masai dengan membina 22 buah kediaman dengan kelengkapan serta kemudahan asas. Setelah rumah yang didirikan oleh JHEOA siap pada pertengahan tahun 2002, keluarga berkenaan telah berpindah balik ke Kampung Kuala Masai dan sehingga kini terdapat 36 buah rumah projek bantuan kerajaan dan lapan buah rumah yang dibina sendiri oleh penduduk di penempatan ini.

2.3 Orang Awam (Taman Stulang Laut)



Rajah 2.4: Kawasan Taman Stulang Laut. (Sumber: Google Earth)

Perkataan orang awam (publics) adalah berasal dari bahasa Latin iaitu *poplikus*. Ia juga dikenali sebagai orang umum di mana mereka dianggap sebagai rakyat. Secara keseluruhannya ia adalah menunjukkan kepada beberapa orang. Orang awam ditakrifkan sebagai siapa, masyarakat yang mengatur diri untuk menangani sesuatu masalah (Warner, 2002)

Di kawasan orang awam, iaitu Taman Stulang Laut terletak berhampiran dengan jalan utama iaitu Jalan Pasir Pelangi, Johor Bahru. Kawasan ini berhampiran dengan pengangkutan awam iaitu kira-kira 6 minit dari perhentian bas di pusat pemeriksaan sempadan Malaysia dan Singapura. Selain itu, kawasan ini juga terletak hanya di tepi pantai dan berhampiran dengan restoran makanan laut. Terdapat pelbagai kemudahan yang mendorong kepada pembangunan di kawasan tersebut. Antaranya ialah zon bebas cukai, surau, dan terdapat pelbagai lalu lintas untuk keluar masuk.

Kawasan yang mudah untuk didiami terutama penyewa yang bekerja atau melancong keluar masuk antara sempadan Malaysia dan Singapura (Propwall.my, 2018). Oleh itu, lalu lintas yang semakin hari mencabar ketika menggunakan jalan-jalan utama yang mengelilingi pembangunan perumahan menyebabkan kesukaran pada penduduk di situ. Tambahan kejiranan di Taman Stulang Laut dikatakan tidak

selamat lagi disebabkan oleh kes juvana remaja yang mengambil dadah dan pelacuran secara terbuka di kawasan kediaman yang terbiar.

2.4 Pengenalan Orang Asli

Orang asli secara rasmi di Malaysia merujuk kepada kewujudan orang asal yang mendiami di Semenanjung Malaysia sejak berabad-abad yang lalu (Nicholas C, 2005). Mereka telah mendiami kawasan-kawasan pendalaman dan ada segelintir di kawasan pinggir laut. Masyarakat Orang Asli seperti mana etnik-etnik lain seperti Melayu, cina, India, kadazan dan sebagainya merupakan warganegara Malaysia dan kewujudan mereka telah mendapat jaminan dari segi perundangan Negara. Oleh hal demikian mereka juga mempunyai hak dan kedudukan terhadap sesuatu tanah menurut Perlembagaan Persekutuan seperti mana juga bangsa-bangsa lain.

Jadual 2.1: Taburan Suku Kaum Orang Asli di Malaysia.

Suku Kaum	Etnik	Kawasan Penempatan
Melayu-Proto	Seletar, Jakun, Semelai, Orang Kuala dan Temuan	Johor, Negeri Sembilan dan Melaka
Senoi	Semai, Jahut, Temiar	Kelantan, Terengganu, Perak dan Selangor
Negrito	Bateq, Kintak, Jahai, Kensui	Perak, Kelantan, Terengganu, Kelantan dan Pahang

Oleh itu, terdapat sekurang-kurangnya 18 suku dari etnik Orang Asli di Semenanjung Tanah Melayu dan mereka telah dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu Negrito, Melayu Asli (Proto-Malay), dan Senoi (Nicholas, 2005). Tutur bicara dan adat istiadat mereka adalah berbeza di antara satu sama lain. Di Malaysia,

hal ehwal yang berkaitan dengan Orang Asli adalah di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) di mana mereka bertanggungjawab terhadap pengurusan tanah adat, kemajuan serta kebajikan Orang Asli. Kewujudan Akta Orang Asli (Akta 134) di bawah *Aboriginal People Ordinance 1954*, penetapan istilah dan kelayakan sebagai komuniti orang asli telah dijelaskan dengan terperinci.

United Nations Declaration on the Rights of Indigenous People (UNDRIP) adalah merupakan Deklarasi Pertubuhan bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang telah diterima pakai oleh Perhimpunan Agung mengenai hak-hak orang asli dimana ia melindungi dan membantu hak orang asli seluruh dunia dari segi budaya, tanah, serta cara hidup mereka. Hal ini demikian menunjukkan bahawa pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah mengiktiraf hak-hak tanah peribumi sedunia.

Di samping itu, tanah mempunyai pengertian yang lebih luas daripada maksud yang difahami oleh orang ramai dan ianya berbeza-beza mengikut bidang kepakaran dan kepentingan terhadap pemilikannya iaitu kepada ahli ekonomi, pihak pemaju perumahan dan pengamal undang-undang. Terdapat beberapa jenis tanah yang diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara 1965 iaitu tanah rizab, tanah Negeri, tanah bermilik dan tanah lombong. Di bawah Seksyen 5 KTN 1965 tanah bermaksud permukaan bumi, tanah bawah tanah (stratum), apa-apa tumbuhan di atasnya, segala yang bercantum dengan bumi secara kekal dan tanah yang diliputi air. Tanah juga adalah penting dalam menjalankan pelbagai aktiviti seperti pembangunan, pertanian, industri dan sebagainya. Oleh itu, pengurusan tanah perlu diambil kira supaya tanah tidak disalahgunakan oleh segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab

2.5 Undang-Undang Berkaitan Pengambilan Tanah di Malaysia

Di Malaysia, terdapat beberapa undang-undang yang berkaitan dengan pengurusan tanah dan orang asli. Isu pengambilan tanah melibatkan sukar kerana ia melibatkan Pihak Berkuasa Negeri dengan pemilik tanah bagi membangunkan sebuah projek untuk pembinaan tujuan awam. Oleh itu, terdapat beberapa undang-undang yang perlu dirujuk untuk mempermudah isu-isu pengambilan tanah. Antaranya ialah

Akta Orang Asli (Akta 134), Akta Pengambilan Tanah 1960, Kanun Tanah Negara 1965, Perlembagaan Persekutuan 1957 dan lain-lain.

2.5.1 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)

Akta ini diperkenalkan ketika zaman penjajahan British di mana berlaku gerakan senjata komunis yang menuntut kemerdekaan. Kewujudan Akta Orang Asli 1954 telah dipinda pada tahun 1974 di mana kelayakan dan istilah yang dikatakan sebagai komuniti Orang Asli telah dijelaskan dengan terperinci. Akta ini adalah sebuah undang-undang di mana ia menerangkan tentang pelbagai hal ehwal masyarakat Orang Asli secara keseluruhan. Akta ini adalah satu undang-undang yang terpakai untuk menguruskan segala perkara yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli iaitu hak tanah mereka. Dalam akta ini, ia mengandungi urusan pengambilan tanah, kesan pewartaan hutan, kesan ke atas wilayah tanah mereka.

Selain itu, akta ini mengandungi 19 seksyen yang meliputi maksud Orang Asli dari segi undang-undang, kawasan orang asli, pelantikan ketua, pentadbiran Orang Asli, pendidikan dan pelantikan Pesuruhjaya dan timbalannya. Walaupun akta ini memiliki beberapa peruntukan mengenai tanah dan hutan, akan tetapi ia mempunyai pelbagai kelemahan, kekurangan dan kepincangan.

Menurut seksyen 3, Akta 134 Orang Asli ialah:

- a) *Mana-mana yang bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu;*
- b) *Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli; atau*

- c) *Anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli.*

2.5.2 Akta Pengambilan Tanah 1960

Akta Pengambilan Tanah 1960 adalah merupakan satu undang-undang yang digubal khas untuk mengambil tanah dengan syarat segala peruntukan pembayaran pampasan yang mencukupi. Akta Pengambilan tanah 1960, Akta 34 telah berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia dan bermula pada 13 Oktober 1960. Pada tahun 1992, akta ini telah disemak semula dan kini ia dikenali sebagai Akta Pengambilan Tanah 1960, Akta 486. Meskipun akta ini telah digubal oleh Parlimen, kuasa-kuasa eksekutif di dalamnya masih lagi dipegang oleh pihak Negeri. Pindaan APT 1960 diperlukan untuk membangunkan kawasan bandar atau mana-mana tanah hakmilik agar memberikan manfaat kepada tuan tanah malah juga kepada ekonomi negara (Hamid, Harun, & Ismail@Nawang, 2011).

Tujuan utama Akta Pengambilan Tanah ini adalah untuk memproses pengambilan tanah dan membayar pampasan yang mencukupi (Zainal, 2015). Di bawah Seksyen 10 Akta Pengambilan Tanah 1960 iaitu Pentadbir Tanah perlu mengeluarkan notis awam Borang E menandakan langkah awal perbicaraan telah mula diambil dan menetapkan tarikh siasatan bagi mendengar segala tuntutan pampasan ke atas tanah terlibat. Antara tanah-tanah yang boleh diambil melalui APT 1960 ialah:-

1. Tanah bermilik seperti yang termaktub dalam Kanun Tanah Negara 1965.
2. Tanah yang diduduki oleh kerana ada catatan di dalam daftar pegangan di bawah (Group Settlement Areas) Akta Pengambilan Balik Tanah 1960
3. Tanah yang diduduki dengan harapan mendapat hakmilik

Merujuk kepada Perkara 18 Perlembagaan Persekutuan 1957 yang menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil

atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi. Selain itu, dalam seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah 1960 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengambil tanah yang diperlukan:

1. Untuk tujuan maksud awam
2. Mana-mana orang atau badan bagi maksud pada pendapat PBN berfaedah untuk pembangunan ekonomi atau mana-mana bahagian daripadanya atau kepada orang ramai
3. Tujuan perlombongan atau kediaman, pertanian, perdagangan, industri atau tujuan rekreasi atau kombinasi daripada tujuan tersebut.

2.5.3 Sistem Torrens

Istilah Torrens diambil sempena nama pengasasnya iaitu Sir Robert Torrens pada tahun 1858 di Australia Selatan. Sistem Torrens merupakan satu sistem pegangan atau pemilikan tanah yang dibuktikan dengan pendaftaran hakmilik iaitu hakmilik Daftar dan hakmilik Keluaran. Sistem yang berasaskan kepada Sistem Torrens menjadi titik penggubalan Kanun Tanah Negara 1965. Dengan kata lain, sistem ini menyatakan bahawa setiap hakmilik yang dikeluarkan dan didaftarkan adalah tidak boleh disangkal di mana ia memberikan jaminan kepada tuan punya tanah untuk menjalankan apa-apa urusan tanah di samping menjadi bukti yang sah ke atas hakmilik tanah adalah sah. Ini dapat dibuktikan bahawa dengan mengikut sistem Torrens, hakmilik tuan tanah yang berdaftar adalah mutlak dan tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapa pun (Rabiah, 2018). Ia adalah undang-undang yang diguna pakai di Semenanjung Malaysia di mana ia adalah panduan dan penyelarasan dalam pengurusan tanah untuk menyatukan semua undang-undang tanah sedia ada. Antaranya ialah berkaitan dengan urusan tanah pendaftaran serta kutipan cukai dan hasil tanah.

Kelebihan sistem ini telah menetapkan dan memperakui di bawah kuasa kerajaan di mana ia memudahkan, mempercepatkan dan mengurangkan perbelanjaan segala yang berkaitan dengan urusan tanah. Sistem ini menyatakan dua prinsip iaitu

prinsip cermin dan prinsip tabir. Prinsip cermin adalah berkenaan mengenai pendaftaran yang menggambarkan semua kepentingan dan fakta yang berkaitan dengan tanah atau hakmilik tuan tanah berdaftar. Di bawah Bahagian 20, Seksyen 340 Kanun Tanah Negara 1965 telah menyatakan bahawa pendaftaran bagi sesuatu tanah atas nama seseorang atau badan adalah diberi hak atau kepentingan yang tidak boleh disangkal kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu seperti salah nyata, pemalsuan, penipuan atau instrumen yang tidak sah. Manakala bagi prinsip tabir ialah mendapatkan maklumat berkaitan hakmilik tanah hanya melalui maklumat pendaftaran tanah tanpa perlu melihat di sebalik pendaftaran tersebut.

2.5.4 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597)

Akta ini telah ditubuhkan pada 9 September 1999 dan ia adalah undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia. Pada 20 April 2000 akta ini telah berkuat kuasa di Malaysia. Di dalam akta ini, menerangkan hak asasi manusia di mana ia adalah hak yang dimiliki oleh seseorang individu dalam sesuatu undang-undang. Tujuan penubuhan Akta ini adalah untuk mengwujudkan satu penubuhan Suruhanjaya bebas hak asasi manusia Malaysia (SUHAKAM) yang menjelaskan fungsi dan kuasa sebagai sebuah suruhanjaya bebas untuk memberi perlindungan serta memajukan hak asasi manusia di Malaysia. Di samping itu, akta ini juga menerangkan penekanan terhadap hak asasi manusia tanpa mengira kaum, agama, keturunan, bahasa, warna kulit dan lain-lain (Suruhanjaya, 1994). Bergantung kepada kehendak masyarakat, dasar ini sering menjadi tuntutan supaya setiap manusia diperlakukan dengan adil dan saksama.

Selain itu, akta ini menerangkan kepada pengendalian aduan dan kes-kes yang melibatkan pelanggaran hak asasi manusia sebagaimana yang termaktub di dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan. Sebagaimana yang dinyatakan, SUHAKAM adalah untuk melindungi kepentingan hak asasi manusia di mana ia berfungsi untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat kini di mana terdapat pencabulan terhadap hak-hak mereka terhadap sesuatu. Dengan tertubuhnya akta ini, ia memberi jalan penyelesaian kepada segala permasalahan bergantung kepada situasi

permasalahan yang dihadapi (Harlida & Asiah, 2001). SUHAKAM juga berfungsi memberikan khidmat bantuan dan menasihati Kerajaan dalam perundangan, tatacara pentadbiran, arahan berhubung dengan hak asasi manusia di samping memberikan idea dan langkah-langkah yang perlu diambil. Antara fungsi dan kuasa Suruhanjaya di bawah seksyen 4(1) dalam membantu melindungi dan memajukan hak asasi manusia di Malaysia adalah:

- a) Untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia;
- b) Untuk menasihati dan membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah perlu yang hendaklah diambil;
- c) Untuk mengesyorkan kepada kerajaan berkenaan dengan penandatanganan atau penyertaan dalam triti dan surat cara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia; dan
- d) Untuk menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia yang disebut dalam seksyen 12.

Di bawah seksyen 4(2) bagi maksud melaksanakan fungsinya, Suruhanjaya boleh menjalankan mana-mana atau kesemua kuasa yang berikut:

- a) Untuk memupuk kesedaran mengenai hak asasi manusia dan untuk mengaku janji mengadakan penyelidikan dengan mengendalikan program, seminar dan bengkel dan untuk menyebarkan dan mengedarkan hasil penyelidikan itu
- b) Untuk menasihati kerajaan dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan mengenai aduan terhadap pihak berkuasa itu dan mengesyorkan kepada kerajaan dan/atau pihak berkuasa itu langkah-langkah sesuai yang hendaklah diambil;
- c) Untuk mengkaji dan menentu sahkan apa-apa pelanggaran hak asasi manusia mengikut peruntukan akta ini
- d) Untuk melawat tempat tahanan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan tempat tahanan itu dan untuk membuat syor yang perlu;
- e) Untuk mengeluarkan pernyataan awam mengenai hak asasi manusia apabila perlu; dan

- f) Untuk mengaku janji apa-apa aktiviti sesuai lain yang perlu mengikut undang-undang bertulis yang berkuat kuasa, jika ada, berhubung dengan aktiviti itu.

2.5.5 Kanun Tanah Negara 1965

Malaysia mempunyai sistem perundangan tersendiri iaitu berasaskan kepada undang-undang adat dan Islam. Tanah telah terbahagi kepada dua fasa iaitu pemakaian undang-undang adat dan Islam dan undang-undang Inggeris. Namun demikian, pada zaman penjajahan British undang-undang tanah telah menggunakan sistem berasaskan sistem Surat Ikatan (English Deed System) sehingga ia dimansuhkan melalui Kanun Tanah Negara (Hak Milik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dan digantikan dengan Sistem Torrens melalui penguatkuasaan Kanun Tanah Negara 1965. Undang-undang tanah yang utama digunakan di Semenanjung Malaysia ialah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965). Kanun ini telah digubal berdasarkan kepada Kanun Tanah 1926 di mana ia telah dikemas kini dan ditambah beberapa bahagian baru. Pada 1 Januari 1966, kanun ini telah dikuatkuasakan dan pada tarikh tersebut sistem pemegangan dan urusan tanah yang sama telah wujud di kesemua negeri di Semenanjung Malaysia. Tujuan kanun ini adalah untuk menyeragamkan sistem pemegangan tanah yang berbeza di Malaysia, terutama di Semenanjung Malaysia.

Dengan adanya kanun ini, kesemua sebelas buah negeri mempunyai sistem tanah yang sama di mana ia memakai Sistem Torrens manakala Sabah dan Sarawak iaitu mereka masing-masing menggunakan undang-undang tanahnya sendiri (Zainal, 2015). Bagi negeri Sarawak menggunakan Kanun Tanah Sarawak 1958 (Cap 81) yang berasaskan Sistem Torrens. Namun demikian, bagi negeri Sabah perundangan berkaitan tanah yang digunakan adalah berdasarkan kepada Ordinan Tanah Sabah (Cap 68) yang tidak berasaskan Sistem Torrens. Merujuk kepada Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan 1957 Malaysia, menyatakan bahawa segala hal ehwal yang berkaitan dengan pentadbiran tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Dalam Perkara 91 (5) Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Seksyen 9 Kanun Tanah Negara 1965 telah memperuntukkan penubuhan Majlis Tanah Negara sebagai

forum untuk penyeragaman dasar-dasar untuk memajukan serta mengawal penggunaan tanah di seluruh Semenanjung Malaysia.

Seterusnya, dalam Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan 1957, Jadual 9 menerangkan hal undang-undang tanah adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Ini dapat dijelaskan bahawa di bawah Bahagian 3 seksyen 40 dan 41 Akta Kanun Tanah Negara 1965 juga memberikan penjelasan yang sama bahawa semua hal berkaitan tanah adalah terletak dibawah kuasa Kerajaan Negeri. Oleh hal demikian, pihak berkuasa negeri diberi hak kuasa untuk menentukan apa-apa pembangunan yang bakal dibangunkan bagi tujuan awam. Seksyen 61 KTN 1965 telah menerangkan bahawa apa-apa yang berlaku kerosakan pada mana-mana harta atau tanaman, tuan tanah atau pemilik tanah berhak di bayar dengan pampasan sebagaimana yang dipersetujui atau ditentukan selaras dengan peruntukan-peruntukan di bawah Seksyen 434 KTN 1965.

2.5.6 Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Terhadap Hak Orang Asli (UNDRIP)

Pada tahun 1985, *Working Group on Indigenous Peoples* (WGIP) telah ditubuhkan oleh Majlis Ekonomi dan Sosial PBB (ECOSOC) di mana ia adalah untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat orang asli. WGIP ini telah mengwujudkan satu draf piawai hak asasi khas untuk membantu orang asli iaitu draf UNDRIP. UNDRIP adalah singkatan kepada Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di mana ia merupakan undang-undang antarabangsa yang melindungi hak Orang Asli di seluruh dunia dari segi budaya, tanah dan juga cara hidup masyarakat Orang Asli (Jaringan Orang Asal Semalaysia, 1985). Di dalam UNDRIP, ia menjelaskan prinsip-prinsip dan menyatakan sebab mengapa PBB membuat keputusan terhadap masyarakat Orang Asli. Antara alasannya adalah untuk menyatakan pengiktirafan hak-hak mereka yang telah dirampas yang menyebabkan kehilangan tanah dan jati diri mereka.

Oleh hal demikian, Deklarasi Hak Orang Asli (UNDRIP) ini terdiri daripada 46 Artikel yang menunjukkan perbezaan hak untuk orang asli dan ia dibahagikan kepada 9 bahagian. Pada 5 artikel yang pertama menunjukkan orang asli mempunyai

hak yang sama dengan orang lain iaitu hak untuk memilih status politik dan hak kewarganegaraan. Bahagian kedua menyatakan orang asli berhak terhadap cara hidup sebagai orang asli di mana mereka berhak untuk melindungi budaya mereka daripada dirampas. Oleh itu, adalah penting untuk memahami apa yang dikatakan hak Orang Asli pada tanah mereka iaitu berikutan kepada perbicaraan hakim “hak bergerak dengan bebas dalam tanah mereka tidak dihalang atau diganggu serta dapat mencari kehidupan dari tanah tersebut”(Malim & Ridzuan, 2003).

2.5.7 Perlembagaan Persekutuan 1957

Perlembagaan Persekutuan 1957 adalah merupakan satu undang-undang yang tertinggi untuk menentukan cara pemerintahan sebuah negara itu dijalankan. Ia adalah perlembagaan yang merangkumi beberapa anggota yang memiliki kuasa-kuasa terhadap sesebuah negara itu. Perlembagaan Malaysia 1957 ini diasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan 1957 tanah Melayu dan ia telah dirangka oleh Suruhanjaya Reid yang diketuai Lord Reid. Suruhanjaya ini telah dilakukan dalam tahun 1956 dan telah berkuat kuasa sejurus selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Perlembagaan Persekutuan 1957 ini telah mengalami beberapa perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa. Ia dilakukan di atas sebab fahaman, sikap serta kehendak rakyat yang telah berubah dan keputusan mahkamah. Perlembagaan Persekutuan 1957 ini mengandungi 183 perkara yang tergolong dalam 15 Bahagian dan ia adalah merupakan undang-undang tertinggi di Malaysia. Menurut Abdul Aziz Bari (2000), melihat kepada apa yang berlaku setelah negara mencapai kemerdekaan ternyata jangkaan Suruhanjaya Reid meleset. Apa yang dikatakan kebebasan asasi tidak bersifat asasi lagi pada praktiknya.

Tujuan perlembagaan ini adalah untuk menjamin keutuhan dan kedaulatan negara di mana masyarakat berpegang kepada satu undang-undang yang diamalkan, sebagai rujukan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab, mengawal perjalanan kerajaan iaitu pemimpin perlu merujuk kepada perlembagaan dan tidak sewenangnyanya bertindak sesuka hati, mengekalkan keamanan, mewujudkan kestabilan negara dan lain-lain. Di bawah Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan 1957 menyatakan apa yang

disebut mengenai kebebasan asasi. Peruntukan ini telah menyatakan bahawa tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. Selain itu, ia juga menerangkan jika seseorang yang ditahan kerana melakukan kesalahan undang-undang pihak berkuasa perlu menyiasat kesalahan tersebut dan pesalah tersebut perlulah diberitahu sebab ia ditangkap dan dibenarkan berunding dengan peguam yang dipilih olehnya.

Orang yang berkepentingan di atas tanah tersebut berhak mendapat peruntukan yang setimpal apabila hak mereka akan diambil. Ini adalah menunjukkan ia adalah selaras dengan peruntukan dalam Artikel 13 Perlembagaan Persekutuan 1957. Menurut Artikel 13 memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang yang boleh mengambil harta tersebut dan tiada undang-undang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa membayar pampasan yang sewajarnya. Menurut Abdul Aziz Bari (2000), sebagai contoh hak-hak orang asli untuk hidup dalam habitat asal mereka telah dibenarkan meskipun hak-hak mereka tidak diakui dengan jelas dalam undang-undang, di mana tafsiran mahkamah ke atas peruntukan ini menarik kerana ia menyerahkan pembuatan keputusan kepada kerajaan dalam melakukan sesuatu perkara.

2.6 Isu dalam Pengambilan Tanah

Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT 1960) menyatakan dengan jelas mengenai prosedur pengambilan tanah serta prinsip-prinsip yang diguna pakai dan menjamin kepada pemilik tanah akan hak-hak mereka dalam menentukan pampasan terhadap harta mereka. Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan 1957 juga telah menyatakan jaminan yang diberikan terhadap hak pemilikan harta di mana perlucutan harta hanya boleh dilakukan dengan membayar pampasan yang sewajarnya terhadap pemilik (Hamid et al., 2011). Perkara yang sering berbangkit dalam isu pengambilan tanah di negara ini sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini

juga adalah disebabkan oleh beberapa faktor perubahan dan kepesatan ekonomi yang telah menimbulkan kepada perusahaan-perusahaan baru dalam membangunkan ekonomi. Oleh hal demikian terdapat unsur-unsur di mana pihak berkuasa terpaksa melaksanakan pengambil tanah hakmilik individu bagi tujuan awam.

2.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam kes pengambilan tanah di Semenanjung Malaysia, perundangan perlu mengikut kepada beberapa akta yang penting seperti Kanun Tanah Negara 1965, Akta Pengambilan Tanah 1960, Akta Orang Asli 1954, Perlembagaan Persekutuan 1957 dan sebagainya. Di dalam kajian literatur ini dapat menunjukkan bahawa semua pihak yang terlibat perlu mengikut perundangan yang telah ditetapkan di mana mereka perlulah meneliti kandungan akta-akta yang terlibat dalam proses pengambilan tanah orang asli dan orang awam. Kegagalan mana-mana pihak dalam mengambil tanah hakmilik akan menyebabkan kepada tidak sah seterusnya menimbulkan pertikaian dan perselisihan faham antara pihak yang terlibat. Hak-hak pemilik tanah juga perlu diambil kira seperti yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan 1957.

Selain itu, penentuan kadar pampasan perlu juga dititikberatkan di mana ia perlulah merujuk kepada nilai hartanah semasa. Walau bagaimanapun, hak tuan tanah terhadap harta perlu diambil berat dalam menentukan pampasan di mana ia perlulah benar-benar adil dan munasabah dengan mengikut undang-undang yang ditetapkan. Ini adalah kerana hak tuan tanah adalah penting dan perlu dijaga bagi memastikan tiada pertelingkahan antara pihak yang terlibat.


BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Dalam kaedah ini, pelbagai langkah telah dilaksanakan bagi memastikan kajian ini berjalan lancar dan mencapai objektif dalam masa yang ditetapkan. Metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya ia dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Terdapat beberapa langkah yang perlu diambil semasa kajian ini iaitu fasa pertama, fasa kedua, fasa ketiga, dan fasa keempat. Semua fasa ini akan diterangkan dalam berperingkat-peringkat mengikut carta aliran **Rajah 3.1**.

3.2 Carta Alir Kajian



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi.

3.3 Kaedah Penyelidikan

Terdapat empat fasa dalam metodologi kajian ini iaitu, (1) pernyataan masalah, (2) peringkat pengumpulan data dan (3) peringkat hasil dan analisis dan (4) kesimpulan dan cadangan.

3.3.1 Fasa I: Pernyataan Masalah dan Kajian Literatur

Pada peringkat ini, kajian awal mengenai isu yang ingin dikaji dibuat dan perlu mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan. Setelah melakukan pembacaan melalui kajian literatur iaitu akta-akta yang berkaitan, keratan akhbar penulis dapat mengetahui permasalahan yang timbul dalam kajian ini dan telah menyatakan kenyataan masalah yang dihadapi. Kajian ini adalah penting untuk memahami yang mana kajian literatur dijalankan dengan mendapatkan maklumat mengenai pemerolehan tanah orang asli dan orang awam melalui berita, artikel, jurnal, Akta Pengambilan Tanah 1960, Akta Orang Asli 1954, Kanun Tanah Negara 1965, Perlembagaan Persekutuan 1957, dan sebagainya. Selain itu, mendapat lebih banyak pengetahuan mengenai undang-undang dan maklumat yang telah diguna pakai di Malaysia. Oleh itu matlamat kajian untuk mengatasi isu yang timbul dan kewujudan objektif adalah untuk mencapai matlamat kajian.

Skop kajian juga perlu ditunjukkan dalam kajian ini di mana ia perlulah selaras dengan objektif kajian serta mencapai matlamat. Idea-idea mengenai permasalahan, objektif dan cara pengumpulan data dapat dijana berdasarkan maklumat awal yang diperoleh. Selain itu, kepentingan kajian perlu diwujudkan dalam peringkat ini di mana ia perlulah dinyatakan dengan jelas supaya kajian ini memberi manfaat atau panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam melakukan sesuatu perkara. Di samping itu, kaedah-kaedah yang digunakan perlu ditunjukkan dalam peringkat ini bagi memastikan segala maklumat yang dikehendaki dapat diperoleh. Dengan adanya penyusunan bab dalam kajian, ini dapat menghasilkan satu kajian yang bermutu tinggi.

3.3.2 Fasa II: Pengumpulan Data

Bab ini juga akan menerangkan cara-cara untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan pemerolehan maklumat tanah orang asli dan orang awam. Terdapat dua kaedah yang diguna pakai dalam pengumpulan data bagi peringkat ini. Maklumat yang berkaitan dengan pengambilan tanah terdiri daripada data primer dan data sekunder. Pada peringkat ini, data primer dikumpulkan melalui temu bual dengan pihak-pihak yang terlibat seperti Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Tanah dan Galian Johor, Jabatan Kemajuan Orang Asli Johor, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), dan sebagainya. Temu bual adalah satu perbualan antara dua atau lebih (penemu bual dan yang ditemu bual). Kaedah ini kebiasaannya untuk memperoleh maklumat daripada seseorang (Temubual, 2013). Tujuan kaedah ini dijalankan adalah untuk mendapatkan pandangan daripada pegawai-pegawai yang pakar dalam bidang pengambilan tanah. Terdapat beberapa soalan yang diajukan dan dijawab secara lisan oleh pegawai terlibat dan direkodkan menggunakan perakam suara. Pendapat pihak-pihak yang terlibat adalah penting bagi mendapatkan maklumat dan rujukan dalam kajian ini dimana mereka adalah terdiri daripada golongan profesional dalam isu berkaitan. Dengan adanya kaedah seperti ini dapat menghasilkan kajian yang berkualiti.

Selain itu, edaran borang soal selidik telah diguna pakai dalam kajian ini di mana borang soal selidik adalah merupakan satu dokumen yang mengandungi beberapa soalan dan ruangan jawapan yang bakal diisi oleh responden-responden. Di dalam soalan ini terbahagi kepada beberapa bahagian dan diedarkan mengikut jabatan-jabatan yang terlibat dan masyarakat terlibat. Soalan-soalan yang direka adalah bagi memenuhi kehendak objektif kajian di mana ia adalah untuk tujuan mengumpul data kajian. Setiap responden akan diberikan satu set soalan dan responden perlu menjawab setiap daripada soalan tersebut. Ruangan jawapan juga telah disediakan kepada responden dan perbezaan jawapan tersebut akan digunakan bagi tujuan analisis dan menjawab segala permasalahan yang dinyatakan di dalam objektif kajian.

3.3.2.1 Reka bentuk Borang Soal Selidik

Dalam menjalankan kajian ini, borang soal selidik yang digunakan adalah terbahagi kepada beberapa kategori iaitu bahagian A, B, C dan D. Setiap soalan adalah berbeza dari segi kategori soalan. Borang ini juga disediakan dengan beberapa soalan dan jawapan yang perlu ditandakan oleh responden. Edaran borang soal selidik ini diagihkan kepada wakil-wakil kerajaan mahupun umum. Borang ini akan diisi oleh beberapa responden

Jadual 3.1: Kategori Soalan Borang Soal Selidik.

No	Bahagian Soalan	Keterangan
1.	Bahagian A	Bahagian ini terdiri daripada maklumat asas responden seperti jawatan, jenis jabatan, pengalaman bekerja
2.	Bahagian B	Bahagian ini mengandungi beberapa soalan temu bual berdasarkan kepada objektif yang terkandung dalam Bab 1.
3.	Bahagian C	Bahagian ini merangkumi soalan yang berkaitan kefahaman umum iaitu menyediakan skala penilaian kepada responden untuk menjawabnya. Melalui soalan ini, pengkaji dapat memahami pengalaman yang dialami oleh responden terhadap masalah yang dihadapi.
4.	Bahagian D	Bahagian ini adalah lebih kepada pandangan umum terhadap isu yang berbangkit. Soalan ini menyediakan pilihan jawapan kepada responden

Seterusnya, data sekunder boleh didapati melalui bahan bacaan seperti tesis, artikel, jurnal, berita, laman web dan lain-lain. Sumber utama yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara 1965, Akta Pengambilan

Tanah 1960, Perlembagaan Persekutuan 1957 dan beberapa garis panduan yang merujuk kepada isu kajian ini. Semua maklumat yang di kumpul akan dikenal pasti.

3.3.2.2 Pemerhatian

Berdasarkan kepada pemerhatian yang dijalankan dalam kajian ini, adalah untuk melihat sendiri situasi keadaan sebenar kawasan penempatan masyarakat orang asli yang terlibat dengan proses pemindahan dari Stulang Laut ke Kampung Kuala Masai. Gambar-gambar berkaitan diambil sebagai bukti untuk menjawab objektif kajian. Gambar-gambar tersebut boleh dilihat di **Lampiran E**

3.3.3 Fasa III: Hasil dan Analisis

Merujuk kepada carta alira dalam **Rajah 3.1**, fasa ini melibatkan analisis hasil dan pemerolehan data pengambilan tanah orang asli dan orang awam untuk kawasan yang terjejas. Analisis dilakukan berdasarkan kepada hasil temu bual dan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian *Microsoft Excel* manakala kualitatif adalah hasil daripada temu bual. Dengan menggabungkan segala data-data yang diperoleh dapat merumuskan dengan teliti untuk menghasilkan analisis yang memenuhi objektif kajian. Dari hasil ini, kita dapat mengenal pasti isu yang timbul daripada pengambilan tanah, mengenal pasti usaha-usaha penyelesaian kepada pengambilan tanah dan juga menganalisis penentuan pampasan yang diberikan oleh pihak berkuasa serta membuat kesimpulan isu ini dalam bentuk graf, jadual, carta dan sebagainya selagi difikirkan bersesuaian.

3.3.4 Fasa IV: Kesimpulan dan Cadangan

Fasa ini merupakan fasa yang terakhir dalam kajian ini. Kesimpulan adalah keputusan akhir setelah fasa-fasa awal telah dikenal pasti dan dibincangkan. Tujuan kesimpulan dilakukan adalah untuk menilai sesuatu kajian atau keputusan hasil daripada perolehan data awal yang telah dilakukan pada fasa ketiga. Ia adalah menentukan sama ada telah menyelesaikan persoalan kajian atau tidak serta membuat perbandingan dan lain-lain hasil keputusan dari sumber kajian literatur dan sebagainya. Selain itu, pada peringkat ini, penulis akan mengemukakan beberapa cadangan yang bersesuaian. Cadangan kajian lanjutan yang bersesuaian dengan hasil keputusan analisis bagi memantapkan kaedah penyelesaian kepada isu yang timbul dapat dipersembahkan untuk diaplikasikan kepada pihak-pihak berkenaan kelak.

3.4 Kesimpulan

Kesimpulan yang diperoleh daripada kajian ini adalah mengenai kepentingan idea-idea untuk memperoleh maklumat yang baik untuk tindakan selanjutnya. Berdasarkan kajian yang diperoleh daripada metodologi ini adalah untuk mengkaji pernyataan masalah yang ingin tahu dalam kajian pengambilan tanah Antara orang asli dan orang awam. Fokus daripada rangka ini adalah untuk mencapai objektif dalam menilai sesuatu keputusan, perbandingan, penerangan lebih terperinci dan membuat kesimpulan.

Idea kajian adalah jangkaan keputusan terhadap analisis dan soal selidik yang dilakukan serta cadangan berdasarkan analisis yang diperoleh. Dengan adanya rangka kerja setiap pergerakan dalam melakukan sesuatu perkara adalah lebih terancang dan teratur. Ini kerana dengan merujuk kepada rangka kajian, ia bukan sahaja memberikan jalan penyelesaian kepada sesuatu masalah malah memberikan satu rujukan kepada pihak yang berkepentingan pada masa akan datang.

BAB 4

HASIL KAJIAN DAN ANALISIS

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang hasil kajian dan analisis terhadap data-data yang diperoleh daripada kajian yang telah dijalankan. Kesemua data yang telah diperoleh adalah hasil daripada data primer iaitu daripada sesi temu bual dan borang soal selidik yang melibatkan wakil pihak kerajaan iaitu Pejabat Tanah Daerah Larkin, Pejabat Tanah dan Galian Johor, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan masyarakat setempat. Kaedah temu bual dalam kajian ini adalah untuk memastikan semua maklumat yang diperoleh adalah benar. Selain itu, edaran borang soal selidik juga diberikan kepada penduduk awam. Bagi borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden, ia akan dianalisis dengan menggunakan *Microsoft Excel* untuk tujuan statistik. Terdapat juga perolehan data sampingan melalui pemerhatian iaitu melawat kawasan yang terjejas dengan pengambilan tanah. Dengan kata lain, analisis dibuat bagi menjawab persoalan objektif yang dinyatakan dalam Bab 1 sebelum ini.

4.2 Demografi Kajian.

Bagi mendapatkan data, kaedah yang digunakan adalah melalui temu bual, edaran borang soal selidik dan pemerhatian. Kajian ini terdiri daripada beberapa responden iaitu daripada seorang wakil Pejabat Tanah dan Galian Johor, Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Kemajuan Orang Asli Johor, dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Awam. Jawatan yang disandang adalah terdiri daripada pelbagai jawatan di bahagian pengambilan tanah. Bagi pihak responden dari wakil kerajaan borang soal selidik akan diedarkan kepada 40 orang dan penduduk Stulang Laut sebanyak 40 orang. Kesemua responden akan menjawab borang soal selidik yang disediakan bagi mencapai objektif-objektif yang terkandung dalam Bab 1. Terdapat beberapa kategori dan kaedah pengumpulan data adalah seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 4.1**:

Jadual 4.1: Kategori Responden.

No.	Responden	Kaedah Pengumpulan Data
1.	Pejabat Tanah dan Galian Johor	Temu Bual/ Borang Soal Selidik
2.	Pejabat Tanah dan Daerah Larkin	Temu Bual/ Borang Soal Selidik
3.	Jabatan Kemajuan Orang Asli	Dokumen/ Temu Bual/ Borang Soal Selidik
4.	Jabatan Penilaian Dan Harta	Temu Bual/ Borang Soal Selidik
5.	Orang awam/ Orang Asli	Borang Soal Selidik

4.3 Hasil Kajian

Berdasarkan kepada hasil soal selidik dan temu bual yang dibuat terhadap pihak jabatan dan masyarakat setempat akan dianalisis bagi tujuan mencapai objektif pada Bab 1. Soal selidik telah diedarkan kepada beberapa jabatan dan orang awam mengenai isu pengambilan tanah di Stulang Laut. Segala dapatan kajian yang bersifat kuantitatif akan dianalisis dan diterangkan melalui carta pai, jadual, graf dan lain-lain. Bagi data yang melibatkan temu bual ia akan dianalisis dan diolah iaitu maklumat yang diperoleh secara lisan.

4.4 Hasil Analisis

Hasil dari temu bual adalah daripada wakil pihak kerajaan mengenai isu pengambilan tanah di Stulang Laut. Sesi temu bual telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat dan pandangan iaitu secara lisan yang terdiri daripada beberapa wakil kerajaan Jabatan Kemajuan Orang Asli, Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan Pejabat Tanah dan Daerah.


Bagi kes pengambilan tanah di Stulang Laut, antara isu yang dibincangkan adalah ketidakpuasan hati masyarakat dalam pembahagian pampasan kerap dibangkitkan dan sering kali Pihak Pentadbir Tanah akan dipersalahkan kerana tidak adil dalam pemberian pampasan. Ketidakpuasan hati masyarakat timbul disebabkan bayaran adalah tidak mencukupi untuk menanggung kos kerugian mereka terhadap kehilangan tanah tersebut. Ada di antara masyarakat orang asli menyatakan masih tidak mendapat pampasan terhadap tanah mereka di Stulang Laut.

Antara soalan-soalan yang telah diajukan kepada wakil-wakil kerajaan dan masyarakat setempat adalah seperti berikut di mana soalan temu bual adalah dinyatakan pada Bahagian B, borang soal selidik.

4.4.1 Analisis Bahagian A: Maklumat Responden

Melalui soalan pada Bahagian A, terdapat beberapa soalan mengenai profil maklumat pekerjaan atau jawatan yang disandang, jenis jabatan dan berapa lama tempoh pengalaman bekerja bagi pekerjaan yang disandang. Elemen-elemen ini adalah penting bagi menentukan profil pihak-pihak yang terlibat dalam menangani isu ini. Pada fasa ini, terdapat empat jabatan yang terlibat iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli, Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Rajah 4.1 menunjukkan jumlah tempoh pengalaman bekerja bagi responden yang terlibat dalam kajian ini. Tempoh pengalaman bekerja yang berkhidmat dalam penjawat awam yang dipilih secara rawak. Di dapati bahawa pengalaman kerja selama 6 hingga 10 tahun adalah penyumbang terbesar iaitu sebanyak 40% diikuti peratusan kedua tertinggi iaitu sebanyak 32.5% iaitu individu yang telah bekerja selama 11 hingga 15 tahun. Manakala 15% adalah individu yang bekerja 1 hingga 5 tahun dan peratusan paling sedikit adalah sebanyak 12.5% bekerja selama lebih 16 tahun di mana mereka adalah lebih berpengalaman dalam jabatan yang terlibat.



Rajah 4.1: Tempoh Pengalaman Kerja.

(Sumber: Analisa Pengkaji)

4.4.2 Analisis Bahagian B: Temu bual

Untuk memperoleh maklumat serta pandangan, satu sesi temu bual telah dilakukan bagi memperoleh maklumat secara lisan yang terdiri daripada beberapa wakil kerajaan iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli Johor, Pejabat Daerah Dan Tanah, Pejabat Tanah Dan Galian Dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Awam.

Wakil-wakil daripada jabatan kerajaan adalah seperti berikut:

Jadual 4.2: Responden Temubual daripada Pihak Kerajaan.

Bil.	Responden	Jawatan	Pengalaman Kerja
1.	Mohd Badri Bin Ismail	(Penolong Pengarah JAKOA)	20 tahun
2.	Puan Azreen	(Bahagian Pengurusan PTG Johor)	15 Tahun
3.	Encik Muhidin Bin Hussin	(Ketua Bahagian Pembangunan PTD Johor)	30 Tahun
4.	Puan Siti Jaliah Bt Abdullah	(Pegawai Penilaian JPPH)	11-15 Tahun

4.4.2.1 Objektif 1: Pandangan Mengenalpasti Isu yang Berlaku dalam Pengambilan Balik Tanah

1. Apakah perbezaan isu yang berbangkit dalam proses pengambilan tanah di antara orang asli dan orang awam?

Pihak terlibat	Ulasan/ Keterangan
1.Jabatan Kemajuan Orang Asli/ Pejabat Daerah dan Tanah/ Pejabat Tanah dan Galian/ Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Awam	-Isu adalah pengambilan dan pampasan yang diberikan oleh pihak pemaju adalah tidak mencukupi. Orang Asli membawa kes ini ke mahkamah untuk menilai pampasan tanah di Stulang Laut. Hak mereka tidak diendahkan dalam perundangan. Isu adalah ketidakpuasan hati terhadap pampasan yang telah diberikan oleh pihak berkuasa. Tanah perkuburan juga telah diterokai tanpa mendapat kebenaran. Manakala orang awam terpaksa kehilangan tempat tinggal dan hilang punca pencarian.

Antara isu yang berbangkit adalah di mana pembangunan dan penggunaan tanah adat orang asli oleh kerajaan memberi penekanan kepada masyarakat di Stulang Laut. Isu pembayaran pampasan yang tidak mencukupi untuk ganti rugi kerugian yang dialami menyebabkan orang asli terpaksa menggunakan wang mereka untuk kos pemindahan dan pembinaan rumah. Mereka juga dikatakan tidak mempunyai hak ke atas tanah tersebut. Oleh itu, masyarakat orang asli merasa tidak puas hati dengan bayaran yang diberikan kepada mereka dan menyebabkan ada di antara mereka telah membawa kes ini ke mahkamah untuk siasatan lebih lanjut. Defendan pertama telah menyatakan bahawa tanah tersebut adalah hakmilik kerajaan dan mereka enggan mengakui kepentingan dan hak orang asli ke atas tanah tersebut.

Manakala bagi orang awam, mereka mengalami pelbagai kesulitan terutama dalam proses mencari tempat baru serta kehilangan punca pencarian. Hal ini menyukarkan kehidupan mereka untuk mendapatkan tanah baru.

2. Mengapakah perkara-perkara seperti yang dinyatakan tadi boleh berlaku?

Pihak terlibat	Ulasan/ Keterangan
1. Jabatan Kemajuan Orang Asli/ Pejabat Daerah dan Tanah/ Pejabat Tanah dan Galian/ Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Awam	Ini kerana mereka telah menetap di kawasan tersebut sejak turun temurun. Dikatakan tanah tersebut adalah tanah adat mereka dan segala amalan budaya telah diterapkan. Sumber punca pencarian mereka juga turut hilang. Selain itu, dikatakan bahawa tanah tersebut adalah tanah nenek moyang mereka. Turut juga memberi beberapa kesan kepada masyarakat setempat. Bagi orang awam, mereka sukar mencari tempat baru dan kebanyakan mereka tinggal berhampiran dengan tempat kerja.

Merujuk kepada ulasan di atas, tanah tersebut adalah merupakan tanah nenek moyang mereka yang telah diduduki oleh mereka sejak turun temurun. Oleh hal demikian, mereka mempunyai hak ke atas tanah di atas dan di dalam tanah tersebut. Selain itu, masyarakat awam juga menyatakan pengambilan balik tanah akan memberi kesan kepada diri mereka sekiranya berpindah dari tempat tinggal mereka.

3. Pada pendapat anda, adakah perlu pengambilan tanah dilakukan bagi tujuan pembangunan?

Pihak terlibat	Ulasan/ Keterangan
1. Jabatan Kemajuan Orang Asli/ Pejabat Daerah dan Tanah/ Pejabat Tanah dan Galian/ Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Awam	Perlu. Kerana dalam konteks pembangunan ekonomi seksyen 3 APT ada menyatakan tanah boleh diambil oleh pihak berkuasa negeri (PBN) untuk kegunaan awam.

Daripada ulasan di atas, tujuan pengambilan balik tanah perlulah dipastikan tujuannya seperti termaktub di dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486). Hal ini demikian dengan kepesatan pembangunan di bandar-bandar besar menyebabkan perlunya kepada pengambilan balik tanah untuk tujuan awam mahupun negara sekalipun ia melibatkan tanah orang asli. Responden dari jabatan yang terlibat telah menyatakan perlu adanya pengambilan balik tanah kerana ia adalah untuk kemudahan awam bersama dan masa hadapan. Oleh hal demikian, pengambilan dilakukan apabila ia adalah proses akhir bagi pengambilan tanah yang melibatkan tanah orang.

4.4.2.2 Objektif 2: Pandangan Terhadap Usaha-Usaha Penyelesaian kepada Isu Pengambilan Tanah

1. Apakah yang dilakukan oleh anda bagi menyelesaikan masalah mengenai isu pengambilan tanah bagi orang asli dan orang awam?

Pihak terlibat	Ulasan/ Keterangan
1.Jabatan Kemajuan Orang Asli/ Pejabat Daerah dan Tanah/ Pejabat Tanah dan Galian/ Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Awam	Hak mendapatkan perbincangan sebelum pengambilan tanah dibuat di mana hak untuk kebebasan bersuara untuk melindungi kepentingan harta rakyat. Pentadbiran tanah juga perlu memainkan peranan dalam menangani isu ini. Selain itu, perundangan yang lebih efisien perlu diteliti dengan lebih mendalam dalam menjamin hak asasi manusia. Sokongan daripada semua pihak juga adalah jalan penyelesaian kepada isu ini

Masalah merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan tetapi ia boleh menjadi punca kepada tingkah laku masyarakat dan ini boleh mendatangkan banyak isu dan masalah. Oleh itu jalan paling mudah adalah mendapatkan perbincangan sebelum pengambilan tanah dilakukan bagi mendapatkan hak untuk kebebasan bersuara. Ini adalah perlu untuk melindungi hak-hak mereka terutama sekali bagi masyarakat orang asli seletar. Tambahan pula, ketelusan pihak pentadbiran tanah perlulah dititikberatkan dalam menangani isu ini seperti mempertimbangkan apa-apa kerugian tanaman yang menghasilkan pendapatan dan membayar pampasan tambahan terhadap kesukaran yang dihadapi pemilik tanah akibat pengambilan tanah. Manakala dari segi perundangan, ia perlulah lebih efisien di mana apa-apa tindakan perlulah merujuk kepada perundangan yang sedia ada. Sokongan daripada semua pihak juga adalah penting dalam menangani isu ini di mana pihak terlibat boleh menganjurkan seminar mengenai tanah orang asli untuk meningkatkan kesedaran awam bagi menyelesaikan konflik dalam proses pengambilan tanah.

2. Adakah orang asli berhak mempunyai hakmilik terhadap tanah? Sebab?

Pihak terlibat	Ulasan/ Keterangan
1.Jabatan Kemajuan Orang Asli/ Pejabat Daerah dan Tanah/ Pejabat Tanah dan Galian/ Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Awam	Hak pemilikan diberikan dalam satu geran iaitu tanah yang telah dirizabkan. Orang asli boleh ada pemilikan tanah tetapi agak sukar untuk mereka dalam membayar cukai dan sebagainya.

Masyarakat orang asli boleh sahaja mendapatkan hakmilik tanah. Akan tetapi ia agak sukar kepada mereka kerana mereka perlu memohon tanah tersebut. Pendapatan mereka yang rendah menyukarkan lagi dalam urusan membayar cukai tanah dan lain-lain sekiranya mereka mendapat hakmilik tanah tersebut.

4.4.2.3 Objektif 3: Menganalisis Penentuan Pampasan yang Diberikan oleh Pihak Berkuasa

1. Masalah mengenai pampasan sering timbul semasa pengambilan tanah orang asli dan orang awam. Apakah antara masalah yang sering timbul?

Pihak terlibat	Ulasan/ Keterangan
1.Jabatan Kemajuan Orang Asli/ Pejabat Daerah dan Tanah/ Pejabat Tanah dan Galian/ Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Awam	Ada di antara mereka ada setuju dan tidak setuju dalam nilai pampasan tanah semasa. Nilai tanah adalah berbeza mengikut harga semasa. Kelewatan pembayaran pampasan menyukarkan proses pemindahan dan ganti rugi bagi masyarakat orang asli kerana kebanyakan mereka adalah berpendapatan rendah berbanding dengan orang awam.

Bagi menentukan nilai pampasan tanah, asas yang perlu diketahui adalah melalui nilai pasaran tanah dan mengambil beberapa faktor lain yang termaktub di dalam Perenggan 2 jadual Pertama APT 1960. Dalam menentukan nilai pampasan, pihak berkuasa perlu menggunakan prinsip kesamarataan dan keadilan supaya tiada timbul ketidakpuasan hati daripada masyarakat setempat.

Selain itu, terdapat kelewatan pembayaran pampasan mengambil masa sehingga berpuluh tahun untuk diselesaikan kerana pihak berkuasa ada yang menganggap isu tersebut “remeh” dan tidak memerlukan penyelesaian segera. Hal ini menyulitkan masyarakat orang asli kerana ada di antara mereka adalah berpendapatan rendah. Keperluan dalam membayar pampasan adalah jika terdapat sebarang kerugian atau kerosakan seperti tanaman, bangunan atau lain-lain harta kepunyaan.

2. Pada pendapat anda, apakah bentuk nilai pampasan yang diberikan oleh pihak berkuasa dalam pengambilan tanah terhadap tanah orang asli dan tanah orang awam?

Pihak terlibat	Ulasan/ Keterangan
1. Jabatan Kemajuan Orang Asli/ Pejabat Daerah dan Tanah/ Pejabat Tanah dan Galian/ Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Awam	<p>Nilai pampasan yang diberikan adalah secara rawak mengikut nilai masing-masing. Kos kediaman adalah antaranya RM20000 hingga RM40000. Selain itu, bergantung kepada kediaman yang dinilai dan tanaman-tanaman yang ditanam oleh mereka. Orang asli dan orang awam akan diberi bayaran ganti rugi pampasan mengikut akta Pengambilan Tanah. Akan tetapi ia juga bergantung kepada budi bicara dalam menentukan pampasan.</p>

Bagi menentukan bentuk nilai pampasan, pihak berkuasa telah menyediakan tanah rizab kepada masyarakat orang asli di Kampung Kuala Masai, Johor boleh dilihat di **Lampiran C**. Masyarakat ini juga akan diberi wang tunai bagi menanggung kos kerugian mahupun kerosakan tempat tinggal mereka di Stulang Laut. Pelbagai kemudahan telah disediakan di tempat baru kepada masyarakat yang terlibat dengan pengambilan tanah. Bagi orang awam, mereka juga turut diberi pampasan dengan menilai harga semasa tanah tersebut. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta akan menilai semula nilai tanah bagi kawasan yang terlibat dalam pengambilan balik tanah.

3. Berdasarkan pemerhatian tuan/puan, bagaimana penerimaan orang berkepentingan dalam menerima pampasan yang diberikan? Adakah mereka berpuas hati dengan pampasan tersebut?


Pihak terlibat	Ulasan/ Keterangan
1. Jabatan Kemajuan Orang Asli/ Pejabat Daerah dan Tanah/ Pejabat Tanah dan Galian/ Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Awam	Ada di antara penduduk ada berpuas hati dan ada juga tidak berpuas hati. Mereka yang tidak berpuas hati telah melantik peguam. Kes ini dibawa ke mahkamah bagi masyarakat yang tidak berpuas hati dan inginkan keadilan bagi hak mereka. Ada juga di antara mereka berpuas hati dan menerima tawaran yang diberikan oleh pihak pemaju.

Merujuk kepada keterangan yang diberikan kebanyakan daripada penduduk Stulang Laut akur dengan perubahan bandar bagi tujuan kemudahan kepada orang ramai. Dalam isu pengambilan tanah di Stulang Laut, masyarakat perlulah memberi kerjasama dalam membangun sesuatu kemudahan awam demi kebaikan bersama.

4.4.3 Analisis Bahagian C: Kefahaman Umum (Jabatan Yang terlibat)

1. Pengetahuan mengenai isu pengambilan tanah orang asli dan orang awam.


Merujuk kepada **Rajah 4.2**, sebanyak 55% peratus responden menyatakan pasti dalam pengetahuan mengenai isu pengambilan balik tanah. Hal ini kerana mereka sering mendengar isu ini sering diperdebatkan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Akan tetapi seramai 5% sahaja yang tidak pasti mengenai isu yang berbangkit disebabkan kurangnya pendedahan kepada permasalahan dunia luar.



Rajah 4.2: Pengetahuan Mengenai Isu PBT.

2. Masalah dalam menangani isu pengambilan tanah.


Berdasarkan **Rajah 4.3**, sebanyak 57.5% peratus responden menyatakan neutral dalam menangani masalah isu pengambilan tanah. Hal ini disebabkan ada di antara mereka masih keliru dalam menangani isu ini. Manakala 5% peratus menyatakan bahawa mereka sangat pasti pernah mengalami masalah dalam menangani isu pengambilan tanah.



Rajah 4.3: Masalah dalam Menangani Isu.

3. Tindakan pihak berkuasa terhadap isu pengambilan tanah berpandukan kepada undang-undang sedia ada.


Rajah 4.4, menunjukkan persamaan iaitu 42.5% peratus menyatakan pasti dan sangat pasti mengenai tindakan pihak berkuasa dalam pengambilan balik tanah adalah berpandukan kepada undang-undang tersedia ada. Hal ini menunjukkan majoriti responden menyatakan setuju bahawa pihak kerajaan perlu mematuhi segala prosedur yang telah ditetapkan oleh undang-undang dalam mengambil tanah untuk tujuan awam. Ini adalah mana-mana tanah adalah dilindungi di bawah Artikel 13, Perlembagaan Persekutuan 1957 menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali dengan pembayaran pampasan yang mencukupi. Sebanyak 2.5% responden lagi tidak pasti sama ada tindakan pihak berkuasa masih mengikut perundangan yang sedia ada.



Rajah 4.4: Tindakan Pihak Berkuasa dalam PBT Berpandukan Kepada Undang-undang Sedia Ada.

4. Kesukaran kerjasama pemilik tanah


Sebanyak 50% responden menyatakan tidak pasti mengenai pemilik tanah sukar memberikan kerjasama. Hal ini demikian kemungkinan mereka kurang mengalami pendedahan kepada situasi tersebut seperti yang digambarkan dalam **Rajah 4.5**. Manakala 37.5% responden menyatakan pernah mengalami kesulitan dalam mendapatkan kerjasama pemilik tanah semasa proses pengambilan tanah. Selain itu, sebanyak 2.5% dan 7.5% menyatakan masing-masing tidak pasti dalam situasi ini.



Rajah 4.5: Kerjasama yang Diberikan Oleh Pemilik Tanah.

5. Kesukaran Menghubungi Pemilik Tanah

Hanya 2.5% responden menyatakan sangat pasti mengenai kesukaran menghubungi pemilik tanah seperti yang digambarkan di dalam **Rajah 4.6**. Hal ini kerana semenjak pengambilan tanah di kawasan Stulang Laut berlaku ada di antara penduduk awam telah pun berpindah keluar dari kawasan tersebut dan ini menyukarkan pihak berkuasa menghubungi mereka mengenai rundingan, proses penilaian harga tanah dan lain-lain. Manakala 60% lagi berpendapat tidak pasti mengalami situasi ini.




Rajah 4.6: Kesukaran Menghubungi Pemilik Tanah.

6. Pengambilan Balik Tanah Untuk Tujuan Pembangunan

Rajah 4.7 menunjukkan 20% dan 45% responden berfikir sangat pasti mengenai pengambilan tanah adalah untuk tujuan pembangunan. Hal ini kerana seperti yang termaktub dalam seksyen 3 APT 1960 menyatakan bahawa tanah boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) jika ia adalah untuk kemudahan awam dan pembangunan ekonomi. Manakala 10% responden berpendapat tidak pasti mengenai kenyataan di atas kerana mereka adalah tidak bersetuju dengan pembangunan di


kawasan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat orang asli didapati lebih kepada adat dan budaya tradisional yang diamalkan sejak turun temurun.



Rajah 4.7: Keperluan PBT bagi Tujuan Pembangunan.

7. Bantahan Daripada Pemilik Tanah

Rajah 4.8 menunjukkan 25% dan 37.5% responden wakil kerajaan menyatakan sangat pasti mengenai bantahan yang dikemukakan oleh pemilik tanah semasa proses pengambilan tanah dijalankan. Ini adalah menunjukkan bahawa pemilik tanah bertegas untuk melindungi hartanya daripada dicerobohi atau diambil oleh pihak berkuasa. Mana-mana pemilik tanah yang ingin tidak bersetuju dengan bayaran pampasan oleh pihak kerajaan boleh mengemukakan bantahan ke mahkamah. Manakala 5% lagi menyatakan tidak pasti mengenai situasi ini.




Rajah 4.8: Bantahan daripada Pemilik Tanah.

4.4.4 Analisis Bahagian D: Pandangan Umum (Mengenai Pengambilan Balik Tanah)

1. Pengetahuan Mengenai Prosedur Pengambilan Balik Tanah


Berdasarkan **Rajah 4.9**, apabila ditanya mengenai pengetahuan mengenai prosedur pengambilan sebanyak 95% orang awam mengetahui prosedur PBT dan 5% di antara mereka tidak tahu mengenai prosedur tersebut. Ini adalah kerana mereka kurang pengetahuan dalam proses PBT. Manakala bagi masyarakat orang asli sebanyak 65% mengetahui prosedur PBT dan sebahagian lagi adalah 35% tidak tahu mengenainya. Hal ini menunjukkan bahawa orang awam lebih berpengetahuan mengenai prosedur pengambilan tanah berbanding dengan orang asli yang kurang berpengetahuan.



Rajah 4.9: Pengetahuan Masyarakat Mengenai Prosedur Pengambilan Balik Tanah.

2. Pandangan mengenai pertikaian dengan pihak berkuasa atau pemilik tanah dalam proses PBT


Berdasarkan **Rajah 4.10**, sebanyak 65% orang asli menyatakan mereka mengalami pertikaian dengan pihak berkuasa dalam proses pengambilan balik tanah, manakala 35% lagi tidak mengalami pertikaian tersebut. Berbanding dengan responden orang awam iaitu sebanyak 30% responden menyatakan bahawa mereka mengalami pertikaian dalam proses pengambilan manakala peratusan tertinggi iaitu sebanyak 70% tidak mengalami pertikaian tersebut. Pertikaian dalam proses pengambilan tanah banyak berlaku dalam kalangan orang asli di mana mereka merasakan tidak puas hati dengan pengambilan yang dilakukan oleh pihak berkuasa.



Rajah 4.10: Pandangan Mengenai Pertikaian dengan Pihak Berkuasa Dalam Proses PBT.

3. Pandangan Responden Sekiranya PBT Berlaku Dengan Bayaran Pampasan Mengikut Harga Semasa


Peratusan yang tinggi bagi orang awam iaitu menunjukkan 85% responden bersetuju sekiranya pampasan diberikan adalah berdasarkan kepada harga tanah semasa manakala 15% lagi tidak bersetuju dengan tindakan tersebut yang digambarkan di dalam **Rajah 4.11**. Bagi masyarakat orang asli, peratusan tinggi iaitu sebanyak 75% menyatakan setuju jika pampasan adalah mengikut kepada harga semasa manakala sebanyak 25% tidak bersetuju dengan harga pampasan tersebut walaupun penilaian adalah mengikut kepada harga semasa tanah. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan daripada masyarakat orang asli dan orang awam merasakan ia adalah sesuai dengan kehilangan harta yang dialami. Tambahan pula, nilai pampasan bagi tanah telah dikenal pasti bagi pelaksanaan projek zon bebas cukai ditentukan berdasarkan nilai pasaran tanah tersebut.



Rajah 4.11: Pandangan Responden Sekiranya Pampasan Mengikut Harga Semasa.

4. Pandangan Responden Terhadap Nilai Pampasan Setimpal Dengan Kehilangan Harta Yang Hilang


Dalam **Rajah 4.12**, menunjukkan peratusan yang tertinggi iaitu 90% responden orang awam telah menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan nilai pampasan yang diberikan adalah setimpal dengan kehilangan harta yang hilang dan sebilangan lagi menunjukkan 10% sahaja tidak bersetuju dengan nilai pampasan yang diberikan. Bagi masyarakat orang asli, menunjukkan kesamarataan iaitu 50% dalam menerima pampasan yang diberikan. Hal ini demikian kerana pihak berkuasa akan menilai harta yang hilang berdasarkan amaun pampasan di bawah seksyen 4 atau dibawah seksyen 8 APT 1960. Bagi aset-aset seperti perkakasan rumah dan sebagainya ia hanya akan dibayar bagi kos pemindahan sahaja. Oleh itu, bagi menjamin nilai pampasan adalah setimpal mereka perlu mengemukakan bukti-bukti yang diperlukan bagi membolehkan tuntutan tersebut diambil kira sebagai nilai pampasan akibat pengambilan tanah.



Rajah 4.12: Pandangan Responden Terhadap Nilai Pampasan yang Setimpal.

5. Sebab-sebab Pandangan Responden Terhadap Nilai Pampasan Setimpal Dengan Kehilangan Harta Yang Hilang


Terdapat beberapa sebab ketidaksetujuan antara orang asli dan orang awam yang ditunjukkan dalam **Rajah 4.13**. Melihat kepada responden masyarakat orang asli yang menunjukkan beberapa peratusan tinggi di mana mereka tidak setuju dengan kenyataan pada **Rajah 4.13** di atas bahawa nilai pampasan yang diberi tidak setimpal dengan kehilangan harta yang hilang. Berdasarkan kepada **rajah 4.13**, menunjukkan sebanyak 60% daripada masyarakat orang asli berpendapat harga tanah adalah semakin meningkat berbanding dengan pandangan orang awam. Diikuti dengan peratusan kedua tertinggi iaitu 45% bagi kedua-dua responden adalah sama iaitu tidak bersetuju terhadap nilai pampasan yang diberikan tidak setimpal dan kawasan cadangan baru yang diberikan adalah tidak sesuai dengan kehidupan mereka. Bagi responden orang awam menunjukkan persamaan sebanyak 10% iaitu ketidaksetujuan mereka dalam penempatan sedia ada adalah strategik dengan pelbagai kemudahan dan kawasan cadangan baru yang diberikan adalah tidak sesuai. Dan selebihnya ada di antara mereka bersetuju dengan nilai pampasan yang diberi adalah setimpal. Kesimpulan yang dapat dibuat adalah di mana masyarakat orang asli mempunyai nilai sentimental dengan tanah yang diduduki menyebabkan mereka tidak bersetuju dengan nilai pampasan yang diberikan.



Rajah 4.13: Sebab-Sebab Ketidaksetujuan Nilai Pampasan adalah Setimpal.

6. Pandangan Responden jika PBT bermanfaat kepada Masyarakat dan Negara


Berdasarkan kepada **Rajah 4.14**, menunjukkan peratusan tertinggi yang ditunjukkan oleh responden masyarakat orang awam iaitu 95% bersetuju dengan pengambilan balik tanah yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara manakala 5% lagi berpendapat tidak setuju dengan kenyataan. Seterusnya 75% masyarakat orang asli berpendapat bahawa pengambilan adalah baik untuk masyarakat dan negara bagi pembangunan ekonomi yang stabil. Hal ini demikian menunjukkan kedua-dua responden menyokong terhadap pembangunan kemudahan awam akan memberikan banyak faedah kepada masyarakat dan Negara.



Rajah 4.14: PBT Memberi Manfaat kepada Masyarakat dan Negara.

7. Pandangan Responden Bentuk Nilai Pampasan Yang Difikirkan Sesuai


Berdasarkan kepada **Rajah 4.15**, didapati 80% masyarakat orang asli telah memilih pemilikan tanah baru berbanding dengan rumah baru dan wang tunai. Ini adalah dengan adanya pemilikan tanah adalah amat penting bagi mereka menduduki dan membangunkan pembangunan di kawasan tersebut. Berbanding dengan orang awam iaitu sebanyak 70% berpendapat bentuk nilai pampasan yang difikirkan sesuai adalah rumah baru berbanding dengan orang asli iaitu 55% daripada mereka kurang bersetuju dalam pemilikan rumah baru. Di mana pada zaman kini untuk memiliki dan membangunkan sebuah rumah baru bukanlah mudah dan cepat. Akhir sekali, sebanyak 70% responden orang asli berpendapat bahawa wang tunai merupakan bentuk nilai pampasan yang paling sesuai diberi berbanding dengan orang awam dengan hanya 25% yang berpendapat sedemikian. Ini adalah disebabkan dengan memperoleh wang tunai, masyarakat orang asli akan menggunakannya untuk membina rumah mengikut keselesaan mereka.



Rajah 4.15: Bentuk Nilai Pampasan yang Difikirkan Sesuai.

8. Kesan Kepada Diri Sekiranya PBT Berlaku Di kawasan Responden

Rajah 4.16, menunjukkan peratusan kesan kepada diri sekiranya pengambilan balik tanah dilakukan. Didapati kesan utama iaitu menyumbang sebanyak 80% responden masyarakat orang asli menyatakan kesukaran untuk mendapatkan tempat baru sekiranya pengambilan berlaku di kawasan mereka. Terdapat persamaan peratusan iaitu 75% responden orang awam menyatakan setuju kepada kesukaran untuk mendapat tempat baru dan memakan masa yang lama. Sebanyak 20% responden orang asli dan orang awam pula telah berpendapat sama iaitu memberi kesan kepada hilang punca pencarian terutama sekali bagi masyarakat orang asli yang bekerja sebagai nelayan. Akhir sekali, didapati sebanyak 65% daripada responden orang awam telah berpendapat kesan kepada mereka adalah berjauhan dari tempat kerja berbanding dengan responden orang asli yang menunjukkan peratusan sedikit iaitu 20% sahaja. Hal ini kerana kebanyakan orang awam adalah tinggal berhampiran dengan tempat kerja mereka dan jarak perjalanan semakin bertambah jika mereka berpindah dari kawasan tersebut.



Rajah 4.16: Kesan Kepada Diri Sekiranya PBT Dilakukan.

4.5 Kesimpulan

Walaupun masyarakat telah dipindahkan ke tempat lain di mana masyarakat orang asli telah ditempatkan di Kampung Kuala Masai, Johor kes pembinaan zon bebas di Stulang Laut ini masih dalam siasatan. Melalui hasil kajian yang telah dibuat adalah untuk menjawab segala objektif kajian yang terkandung di dalam Bab 1. Merujuk kepada analisis yang telah dijalankan, didapati wujud beberapa isu yang timbul dalam kalangan masyarakat orang asli dan orang awam di Stulang Laut. Seterusnya analisis berkaitan dalam mengenal pasti usaha-usaha kepada penyelesaian isu pengambilan tanah adalah mengikut kepada perundangan yang lebih efisien, hak untuk bersuara bagi mempertahankan harta, mendapatkan sokongan daripada pelbagai pihak dan serta ketelusan pihak pentadbir tanah dalam menangani isu ini.

Selain itu, penulis mendapati pihak berkuasa telah menyediakan pelbagai kemudahan kepada masyarakat orang asli seletar seperti kemudahan bekalan air SAJ, dan elektrik TNB, terdapat juga kemudahan tadika, kemudahan riadah gelanggang

futsal serta kemudahan jalan tar, pembinaan rumah, masjid, dewan komuniti, dan sebagainya. Tambahan, melalui analisis penentuan pampasan yang telah dilakukan adalah didapati anggaran sebanyak RM20000 hingga RM40000 telah diberikan kepada masyarakat orang asli semasa proses pemindahan dijalankan. Di Kampung Kuala Masai, mereka juga sudah meninggalkan budaya kehidupan tinggal di atas air namun kegiatan harian mereka masih bergantung sepenuhnya sebagai nelayan tradisional.

Bayaran sagu hati tersebut adalah mengikut kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh para nelayan di Stulang Laut di mana penambakan laut yang telah dilakukan oleh pemaju yang menyebabkan mereka kehilangan sumber pencarian. Walau bagaimanapun, nilai yang telah diberikan oleh mereka kepada masyarakat bukanlah satu nilai yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada mana-mana pihak selepas ini sekiranya berlaku lagi dalam kes pengambilan balik tanah. Hal ini kerana amaun yang diterima oleh masyarakat orang asli seletar dikira sebagai sagu hati di mana ia adalah mengikut kepada keprihatinan dan kemampuan.

Berbanding dengan orang awam di mana mereka didapati telah diberikan keutamaan dalam penentuan pampasan. Nilai yang diberikan adalah mengikut kepada harga semasa tanah. Ada di antara mereka telah menerima pampasan yang setimpal dengan kerugian yang dialami. Hal ini disebabkan orang awam yang mempunyai keistimewaan iaitu mempunyai hakmilik tetap ke atas tanah tersebut. Akan tetapi ada di antara mereka juga diberi tuntutan berdasarkan kerugian yang dikira secara kasar kesan daripada pembangunan yang telah dibangunkan. Pengetahuan yang kurang mengenai prosedur pengambilan tanah juga memberi faktor kepada timbulnya isu pengambilan balik tanah terutama sekali bagi masyarakat orang asli. Ia juga menyumbang kepada faktor pertikaian dengan pihak berkuasa kerana kebanyakan masyarakat orang asli tidak memahami konsep pengambilan tanah yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Oleh itu, penulis akan mencadangkan beberapa cadangan di dalam bab seterusnya bagi memudahkan kepada orang umum untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai kes pengambilan tanah di Stulang Laut.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang kesimpulan dan cadangan terhadap analisis yang dilakukan. Kesimpulan yang dibuat berdasarkan kepada pencapaian objektif yang telah ditetapkan di awal kajian iaitu pada bahagian Bab 1 serta membuat cadangan lanjutan akan dibincangkan bagi memperbaiki kekurangan yang ada dalam kajian ini.

5.2 Pencapaian Objektif

Terdapat tiga objektif kajian yang perlu dicapai melalui kajian ini. Untuk mencapai objektif tersebut, ia perlu berdasarkan kepada hasil temu bual dan edaran borang soal selidik kepada beberapa responden daripada pihak jabatan dan masyarakat yang terlibat. Secara amnya, objektif kajian telah berjaya dicapai dan berikut merupakan penerangan bagi setiap objektif yang telah ditetapkan.

5.2.1 Objektif Pertama: Mengenal Pasti Isu yang Berlaku dalam Pengambilan Balik Tanah

Objektif pertama kajian ini berjaya dicapai melalui penganalisan hasil temu bual dan edaran soal selidik daripada Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Kemajuan Orang Asli dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Awam. Objektif utama ini adalah fokus terhadap mengenal pasti isu yang berlaku dalam

pengambilan balik tanah yang melibatkan masyarakat orang asli dan orang awam. Isu yang timbul semasa proses pengambilan balik tanah dapat menunjukkan bahawa ia menyentuh kepada banyak gangguan kepada penduduk setempat terutama sekali bagi masyarakat orang asli seletar di Kampung Stulang Laut. Masalah yang berlaku menyebabkan mereka kehilangan mata pencarian dan kesukaran untuk mencari tempat baru.

Oleh itu, melalui kajian ini, pengkaji dapat membezakan isu yang berbangkit dalam kalangan orang asli dan orang awam dapat dilihat secara terperinci

5.2.2 Objektif Kedua: Mengenal Pasti Usaha-Usaha Penyelesaian Isu Pengambilan Balik Tanah

Dalam objektif kedua kajian, menunjukkan hasil analisis daripada sesi temu bual dan edaran soal selidik bersama wakil kerajaan dan masyarakat setempat bagi mendapat maklumat-maklumat yang diperlukan. Tujuan temu bual adalah bagi mendapatkan pandangan dan cadangan daripada mereka dalam mengenal pasti usaha-usaha penyelesaian isu pengambilan balik tanah.

Selain itu, objektif ini turut berjaya dicapai dengan berpandukan kepada rujukan terhadap Akta Pengambilan Tanah 1960, Perlembagaan Persekutuan 1957, Kanun Tanah Negara 1965, Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) dan lain-lain. Antara usaha kepada penyelesaian yang dicadangkan adalah melalui perundangan, hak untuk kebebasan berbicara, ketelusan pihak pentadbir tanah dalam menangani isu ini dan sokongan padu semua pihak amat diperlukan bagi mengurangkan permasalahan yang dialami oleh penduduk di Stulang Laut.

5.2.3 Objektif Ketiga: Menganalisis Penentuan Pampasan yang Diberikan oleh Pihak Berkuasa

Objektif ketiga iaitu, menganalisis penentuan pampasan yang diberikan oleh pihak berkuasa kepada penduduk Stulang Laut. Masyarakat orang asli seletar kebanyakan mereka adalah nelayan. Bagi mereka jumlah pampasan dalam ganti rugi atas kehilangan tanah mereka tidak setanding dengan bayaran yang diterima. Hal ini disebabkan pemaju tidak menggunakan mana-mana prinsip penilaian yang biasanya digunakan oleh penilai hartanah dan hanya membayar atas dasar ihsan sahaja. Akan tetapi pihak berkuasa turut memberikan bayaran kepada orang asli seletar dari RM20000 sehingga RM40000 bagi menggantikan rugi atas kehilangan tempat tinggal mereka.

Selain itu, pihak berkuasa menyediakan kemudahan tempat tinggal, lengkap dengan kemudahan bekalan elektrik TNB dan air paip SAJ kepada lapan buah keluarga di atas PTD 11493 Lot 155011, seluas 26.6 ekar di Mukim Plentong, Johor Bahru, berhampiran dengan Kampung Melayu Sungai Masai. Ekoran daripada itu, kini kawasan tersebut telah diwartakan sebagai kawasan Rizab Orang Asli di bawah Kanun Tanah Negara Seksyen 62(1) sebagaimana Warta Kerajaan Johor Bil.40 yang bertarikh 30 Ogos 2010. Pembinaan lapan buah rumah daripada jenis papan dengan reka bentuk yang sama dengan rumah peneroka FELDA telah disiapkan oleh pemaju pada tahun 1994.

Bagi orang awam, pampasan yang diberikan adalah mengikut kepada harga semasa tanah. Mereka akan diberikan pampasan jika pemilik tanah mempunyai hakmilik ke atas tanah tersebut dan memberikan segala bukti kerugian yang dialami.

5.3 Cadangan Kajian

Terdapat beberapa cadangan telah difikirkan oleh penulis dalam kajian ini. Antaranya adalah berjumpa sendiri dengan pemilik tanah orang awam yang terlibat dengan pengambilan balik tanah di Stulang Laut. Hal ini kerana, semasa kajian ini dilakukan penduduk-penduduk di Stulang Laut telah pun berpindah keluar daripada perumahan mereka dan ini menyebabkan pengkaji sukar untuk menghubungi mereka.

Selain itu, walaupun objektif telah dicapai namun masih lagi perlu diperbaiki di mana hal-hal yang berkaitan dengan pengambilan balik tanah terutamanya pihak kerajaan perlulah bekerjasama dalam memberikan maklumat mengenai pemilik-pemilik tanah dan keluasan kawasan yang terlibat dengan pengambilan balik tanah. Agak sukar kepada pengkaji untuk mengetahui keluasan sebenar dalam kes pengambilan tanah yang melibatkan orang asli dan orang awam.

5.4 Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan kajian, pengambilan balik tanah orang asli dan orang awam adalah merupakan isu yang semakin hangat diperkatakan. Hal ini kerana terdapat pelbagai isu yang dibangkitkan dalam kes ini di mana ia kebanyakannya telah mengganggu ketenteraman penduduk-penduduk di sekitar Stulang Laut. Seperti yang diketahui, kajian ini telah berjaya melengkapkan matlamat kajian iaitu dapat mengenal pasti isu yang berlaku, mengenal pasti usaha-usaha penyelesaian dan menganalisis penentuan pampasan yang diberikan kepada penduduk sekitar. Dengan adanya pembangunan yang pesat masa kini terutamanya di kawasan bandar, berpotensi untuk memperbaharui lagi kemudahan awam. Pihak berkuasa seharusnya meneliti mengenai isu-isu ini agar ke semua pihak yang terlibat dalam proses pengambilan balik tanah mendapatkan hak-hak mereka yang adil dan saksama.

Selain itu, isu seperti pembangunan dan penggunaan tanah adat orang asli pihak berkuasa perlulah dipraktikkan dengan mengadakan perbincangan dan perundingan sebelum melakukan sesuatu perkara serta akta moden diperlukan bagi mengendalikan hak orang asli. Oleh itu, isu-isu yang terlibat perlu ditangani bagi memelihara kepentingan awam secara keseluruhan bagi mengelakkan berlakunya kes-kes yang tidak diinginkan.

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

1. Mengkaji dengan lebih mendalam mengenai permasalahan perundangan dalam menentukan hak orang asli
2. Mengkaji terhadap penguatkuasaan akta pengambilan tanah dan semakan semula dilakukan mengikut keperluan semasa bagi orang asli

RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari. (2000). Kebebasan Dan Hak-hak Asasi Di Bawah Perlembagaan Persekutuan- Satu Analisis Umum (full).pdf. *Malaysian Journal of Law and Society*, 4, 87–108.
- Hamid, N. A., Harun, N., & Ismail@Nawang, N. (2011). Pengambilan Tanah Bagi Pembangunan Ekonomi: Isu dan penyelesaian. In *Jurnal Undang-undang & Masyarakat* (Vol. 15, pp. 135–148). <https://doi.org/10.1128/JVI.00794-11>
- Harlida, A.W., & Asiah, B. (2001). Akta 597: Satu Perkembangan Hak Asasi Manusia di Malaysia. *Jelapang*, 2(2).
- Jaringan Orang Asal Semalaysia. (1985). Deklarasi Hak Orang Asal Antarabangsa & Orang Asal di Malaysia. Retrieved from [http://www.coac.org.my/codenavia/portals/coacv2/images/articles/UNDRIP Leaflet 2-OUTPUT\(web\).pdf](http://www.coac.org.my/codenavia/portals/coacv2/images/articles/UNDRIP%20Leaflet%20-OUTPUT(web).pdf)
- Malaysia (2006) Laws Of Malaysia; Aboriginal Peoples Act 1954 (Act 134).
- Malaysia (2006) Laws of Malaysia; Federal Constitution
- Malaysia (2006) Undang-Undang Malaysia; Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597).
- Malaysia (2017) Undang-Undang Malaysia; Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486). International Law Book Services, Kuala Lumpur.
- Malaysia (2015) Undang-Undang Malaysia; Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56). International Law Book Services, Kuala Lumpur.
- Malim, T., & Ridzuan, P. D. (2003). Institut Tanah Dan Ukur Negara Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar SEMINAR : Seminar Pentadbiran Dan Perundangan Tanah Untuk Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah Semenanjung Malaysia 15-16 Disember 2003 Tajuk : Kanun Tanah Negara 1965 dan Pelbagai Undang-undang, 1–12.
- Nicholas, C. (2005). The orang asli: First on the land, last in the plan. *The*

'Bumiputera Policy': Dynamics and Dilemmas, 21(1), 315–329.

Propwall.my. (2018). Taman Stulang Laut (pp. 10–13). Retrieved from <https://www.propwall.my/developer>

Rabiah Muhammad Serji. (2018). Sistem Torrens Dalam Undang-Undang Tanah Di Malaysia : Sistem (pp. 257–259). International Islamic University College Selangor.

Suhada binti Shamsudin. (2016). *Kepentingan Pewartaan Tanah Rizab Orang Asli*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.

Suruhanjaya, A. (1994). Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Percetakan Nasional Bhd

Temu bual. (2013, March 9). Retrieved from https://ms.wikipedia.org/wiki/Temu_bual

Warner, M. (2002). Publics and Counterpublics. *Public Culture*, 14(1), 49–90. <https://doi.org/10.1215/08992363-14-1-49>

Zainal Zulhilmi Zainal Abidin. (2015). *Konflik Pengambilan Tanah Orang Asli :Kajian Kes di Johor dan Selangor*. *Journal of applied microbiology*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Zulkiffleeh. (2018). Laman Pengail Stulang Laut. Retrieved from <http://zulkiffleeh.blogspot.com/2013/09/setulang-laut-pasar-orang-seletar.html>

Lampiran A : Surat Kebenaran untuk Kajian Projek Sarjana Muda

		Fakulti Alam Bina Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor Bahru Johor, Malaysia
Tel: +607-5557350 Faks: +607-5566155 http://www.fab.utm.my Email: fab@utm.my		
BURUKAN KAMI :	Rujukan Kami : UTM.J.52.01.03/14.14/1/3 Jld. 2 (2)	
BURUKAN TUAN :	Tarikh : 27 Disember 2018	
Jabatan Kemajuan Orang Asli Tingkat 15, Ruan 15a, Menara Ansar Jalan Trus 80000 Johor Bahru Johor Darul Takzim		
Tuan/Puan,		
PROJEK SARJANA MUDA PELAJAR TAHUN AKHIR, FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) JOHOR BAHRU		
Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.		
2. Disahkan bahawa saudara/i Dhaniah Binti Ahmad Fadellah , nombor Kad Pengenalan 940419-08-5710 , (no. hp: 019-5451289) adalah pelajar Tahun Akhir Program Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik) Fakulti Alam Bina dan Ukur, UTM Johor Bahru.		
3. Pelajar dikehendaki menyediakan Projek Sarjana Muda (PSM) sebagai salah satu syarat Penganugerahan Sarjana Muda beliau. Tajuk PSM pelajar adalah "Isu Pengambilan Tanah Orang Asli dan Orang Awam (Kajian Kes: Stulang Laut)		
Maklumat Diperlukan : Maklumat Isu Pampasan Pengambilan Tanah		
Penyelia : Dr.Tan Liat Choon		
No. Telefon : 016-4975551		
4. Sehubungan itu, pihak Universiti memohon kerjasama tuan/puan agar dapat membantu pelajar ini di dalam urusan pengumpulan data dan maklumat, pengendalian soal selidik dan lain-lain dokumen berkaitan yang diperlukan bagi PSM tersebut.		
5. Segala data dan maklumat yang diperolehi adalah SULIT dan hanya digunakan untuk tujuan akademik sahaja.		
Kerjasama saudara di dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.		
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'		
Saya yang menjalankan amanah,		
		
NORUL AMRIE BIN ABDULLAH Penolong Pendaftar Kanan Fakulti Alam Bina dan Ukur bp Naib Canselor ☎ 07-5557401 ✉ nurulamrie@utm.my		
www.utm.my inovatif • entrepreneurial • global		

Tel: +6007-5557350 Faks: +6107-5566155 <http://www.fab.utm.my> Email: fab@utm.my

RUJUKAN KAMI : Rujukan Kami : UTM.J.52.01.03/14.14/1/3 Jld. 2 (82)
RUJUKAN TIJAU : Tarikh : 27 Disember 2018

Pejabat Daerah dan Tanah Johor Bahru
Jalan Datin Halimah, Larkin Jaya
Jalan Trus
80350 Johor Bahru
Johor Darul Takzim

Tuan/Puan,

PROJEK SARJANA MUDA PELAJAR TAHUN AKHIR, FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) JOHOR BAHRU

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Disahkan bahawa saudara/i **Dhanish Binti Ahmad Padellah**, nombor Kad Pengenalan **940419-08-5710**, (no. hp: **019-5451289**) adalah pelajar Tahun Akhir Program **Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik)** Fakulti Alam Bina dan Ukur, UTM Johor Bahru.

3. Pelajar dikehendaki menyediakan Projek Sarjana Muda (PSM) sebagai salah satu syarat Penganugerahan Sarjana Muda beliau. Tajuk PSM pelajar adalah **'Isu Pengambilan Tanah Orang Asli dan Orang Awam (Kajian Kes: Stulang Laut)**

Maklumat Diperlukan : Maklumat/Informasi Pengambilan Tanah
Penyelia : Dr. Tan Liat Choon
No. Telefon : 016-4975551


4. Sehubungan itu, pihak Universiti memohon kerjasama tuan/puan agar dapat membantu pelajar ini di dalam urusan pengumpulan data dan maklumat, pengendalian soal selidik dan lain-lain dokumen berkaitan yang diperlukan bagi PSM tersebut.

5. Segala data dan maklumat yang diperolehi adalah SULIT dan hanya digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Kerjasama saudara di dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



NURUL AMRIE BIN ABDULLAH
Penolong Pendaftar Kanan
Fakulti Alam Bina dan Ukur
bp Nalb Canselor
☎ 07-5557401
✉ nurulamrie@utm.my

Tel: +6(0)7-5557150 Faks: +6(0)7-5566155 <http://www.fab.utm.my> Emel:fab@utm.my

BULUKAN KAMP:

Rujukan Kami : UTM.J.52.01.03/14.14/1/3 Jld. 2 (80)

BULUKAN ULAN:

Tarikh : 27 Disember 2018

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Johor Bahru
Bangunan Jaro
Jalan Sungai Chat
80100 Johor Bahru
Johor darul Takzim

Tuan/Puan,

PROJEK SARJANA MUDA PELAJAR TAHUN AKHIR, FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) JOHOR BAHRU

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Disahkan bahawa saudara/i **Dhaniah Binti Ahmad Fadellah**, nombor Kad Pengenalan **940419-08-5710**, (no. hp: **019-5451289**) adalah pelajar Tahun Akhir Program **Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik)** Fakulti Alam Bina dan Ukur, UTM Johor Bahru.

3. Pelajar dikehendaki menyediakan Projek Sarjana Muda (PSM) sebagai salah satu syarat Penganugerahan Sarjana Muda beliau. Tajuk PSM pelajar adalah "**Isu Pengambilan Tanah Orang Asli dan Orang Awam (Kajian Kes: Stulang Laut)**".

Maklumat Diperlukan : Maklumat Isu Pampasan Pengambilan Tanah
Penyelia : Dr.Tan Liat Choon
No. Telefon : 016-4975551

4. Sehubungan itu, pihak Universiti memohon kerjasama tuan/puan agar dapat membantu pelajar ini di dalam urusan pengumpulan data dan maklumat, pengendalian soal selidik dan lain-lain dokumen berkaitan yang diperlukan bagi PSM tersebut.

5. Segala data dan maklumat yang diperolehi adalah **SULIT** dan hanya digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Kerjasama saudara di dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,


NURUL AMRIE BIN-ABDULLAH
Penolong Pendaftar Kanan
Fakulti Alam Bina dan Ukur
bp Naib Canselor
☎ 07-5557401
✉ nurulamrie@utm.my



Tel: +6107-5537150 Faks: +6007-5566155 <http://www.fab.utm.my> Emel.fab@utm.my

RUJUKAN KAMI:

Rujukan Kami : UTM.J.52.01.03/14.14/1/3 Jid. 2 (79)

RUJUKAN TUAN:

Tarikh : 27 Disember 2018

Pejabat Tanah dan Galian Johor
Bangunan Dato Mohamad Salleh Perang,
79576 Kota Iskandar
Johor

Tuan/Puan,

PROJEK SARJANA MUDA PELAJAR TAHUN AKHIR, FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) JOHOR BAHRU

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Disahkan bahawa saudara/i **Dhaziah Binti Ahmad Fadillah**, nombor Kad Pengenalan **940419-08-5710**, (no. hp: **019-5451289**) adalah pelajar Tahun Akhir Program **Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik)** Fakulti Alam Bina dan Ukur, UTM Johor Bahru.

3. Pelajar dikehendaki menyediakan Projek Sarjana Muda (PSM) sebagai salah satu syarat Penganugerahan Sarjana Muda beliau. Tajuk PSM pelajar adalah **"Isu Pengambilan Tanah Orang Asli dan Orang Awam (Kajian Kes: Stulang Laut)**

Maklumat Diperlukan : Maklumat Isu Pengambilan Tanah
Penyelia : Dr.Tan Liat Choon
No. Telefon : 016-4975551

4. Sehubungan itu, pihak Universiti memohon kerjasama tuan/puan agar dapat membantu pelajar ini di dalam urusan pengumpulan data dan maklumat, pengendalian soal selidik dan lain-lain dokumen berkaitan yang diperlukan bagi PSM tersebut.

5. Segala data dan maklumat yang diperolehi adalah SULIT dan hanya digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Kerjasama saudara di dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menyalankan amanah,



NURUL AMRIE BIN-ABDULLAH
Pencolong Pendaftar Kanan
Fakulti Alam Bina dan Ukur
bp Naib Canselor
☎ 07-5557401
✉ nurulamrie@utm.my

Lampiran B : Borang Soal Selidik



Objektif Kajian:

1. Mengenal pasti isu yang berlaku dalam pengambilan balik tanah.
2. Mengenal pasti usaha-usaha penyelesaian isu pengambilan tanah
3. Menganalisis penentuan pampasan yang diberikan oleh pihak berkuasa

Nota: Segala maklumat yang berkaitan dalam borang soal selidik ini hanya digunakan untuk tujuan Pengajian Akademik dan segala informasi yang ada di dalam soal selidik adalah SULIT serta digunakan bersama-sama dengan data daripada responden lain untuk tujuan analisis. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Dhaniah Binti Ahmad Fadellah (019-5451289) atau emelkan ke dhaniahfadellah@yahoo.com

Segala kerjasama dan jasa baik daripada pihak tuan/puan amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih

Disediakan oleh:

DHANIAH BINTI AHMAD FADELLAH

Penyelia:

SR. DR TAN LIAT CHOON

Arahan: Sila iskan tempat kosong atau tandakan (/) pada kenyataan yang sesuai di dalam kotak yang disediakan.

BAHAGIAN A: MAKLUMAT RESPONDEN

1. Pekerjaan/Jawatan yang disandang:

- | | |
|----------------------|--------------------------|
| Penolong Pengarah | <input type="checkbox"/> |
| Pegawai | <input type="checkbox"/> |
| Penolong Pegawai | <input type="checkbox"/> |
| Ketua Unit/ Bahagian | <input type="checkbox"/> |
| Ahli Jawatankuasa | <input type="checkbox"/> |

Lain-lain(Sila nyatakan): _____

2. Jenis Jabatan/Badan:

- | | |
|--|--------------------------|
| Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian | <input type="checkbox"/> |
| Pejabat Tanah dan Galian | <input type="checkbox"/> |
| Jabatan Kemajuan Orang Asli | <input type="checkbox"/> |
| Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta | <input type="checkbox"/> |

3. Pengalaman bekerja bagi pekerjaan di bawah jawatan/posisi:

- | | |
|---------------|--------------------------|
| 1 – 5 Tahun | <input type="checkbox"/> |
| 6 -10 Tahun | <input type="checkbox"/> |
| 11 – 15 Tahun | <input type="checkbox"/> |
| >16 tahun | <input type="checkbox"/> |

Lain-lain(Sila nyatakan): _____

BAHAGIAN B: Kefahaman Umum (Temubual)

Arahan: Sila isikan tempat kosong atau tanadakan (/) pada kenyataan yang sesuai di dalam kotak yang disediakan

Objektif 1: Mengenalpasti Isu Dalam Pengambilan Tanah

1. Apakah perbezaan isu yang berbangkit dalam proses pengambilan tanah diantara orang asli dan orang awam?

2. Mengapakah perkara-perkara seperti yang dinyatakan tadi boleh berlaku?

3. Pada pendapat anda, adakah perlu pengambilan tanah dilakukan bagi tujuan pembangunan? Sebab?

Objektif 2: Mengenalpasti Usaha-Usaha Penyelesaian Masalah Kepada Isu Pengambilan Tanah

1. Apakah yang dilakukan oleh anda bagi menyelesaikan masalah-masalah mengenai isu pengambilan tanah bagi orang asli dan orang awam?

2. Adakah orang asli berhak mempunyai hakmilik terhadap tanah? Sebab?

Objektif 3: Menganalisis Penentuan Pampasan Yang Diberikan Oleh Pihak Berkuasa

1. Masalah mengenai pampasan sering timbul semasa pengambilan tanah orang asli dan orang awam. Apakah antara masalah yang sering timbul?

2. Pada pendapat anda, apakah nilai pampasan yang diberikan oleh pihak berkuasa dalam pengambilan tanah terhadap tanah orang asli dan tanah orang awam?

3. Berdasarkan pemerhatian tuan/puan, bagaimana penerimaan orang berkepentingan dalam menerima pampasan yang diberikan? Adakah mereka berpuas hati dengan pampasan tersebut?

BAHAGIAN C: Kefahaman Umum (Jabatan Yang Terlibat)

Arahan: Sila isikan tempat kosong atau tanadakan (/) pada kenyataan yang sesuai di dalam kotak yang disediakan

1-Sangat tidak Pasti	2- Tidak Pasti	3- Kurang pasti	4- Pasti	5- Sangat Pasti
----------------------	----------------	-----------------	----------	-----------------

Skala Penilaian	1	2	3	4	5
1. Sejauh manakah anda mengetahui mengenai isu pengambilan tanah orang asli dan orang awam?					
2. Adakah anda mengalami masalah dalam menangani isu ini?					
3. Adakah tindakan pihak berkuasa dalam proses pengambilan tanah berpandukan kepada undang-undang yang tersedia ada?					

4. Pemilik tanah sukar memberikan kerjasama					
5. Sukar menghubungi pemilik tanah					
6. Adakah anda fikir perlunya pengambilan tanah bagi tujuan pembangunan?					
7. Terdapat bantahan yang dikemukakan oleh oleh pemilik tanah?					

BAHAGIAN D: Pandangan umum

Arahan: Sila isikan tandakan (/) pada kenyataan yang sesuai di dalam kotak yang disediakan

1. Adakah anda tahu mengenai prosidur pengambilan tanah?

Ya

Tidak

2. Adakah anda mengalami pertikaian dengan pihak berkuasa/pemilik tanah dalam proses pengambilan tanah?

Ya

Tidak

3. Sekiranya pengambilan tanah dilakukan di kawasan anda, apakah anda bersetuju atau tidak jika pampasan diberikan adalah berdasarkan kepada harga semasa tanah?

Ya

Tidak

4. Nilai pampasan yang diberi setimpal dengan kehilangan harta yang hilang.

Ya

Tidak

5. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan kenyataan diatas, sila nyatakan sebab anda? Sila tandakan lebih jika perlu

Terdapat kenangan atau nostalgia di kawasan anda

Pampasan yang diberikan adalah tidak setimpal

Penempatan sedia ada strategik dengan pelbagai kemudahan

Harga tanah semakin meningkat

Kawasan diduduki dari generasi ke generasi

Mempunyai kepercayaan keselamatan terhadap kawasan yang didiami

Kawasan cadangan baru yang diberikan tidak sesuai dan kurang kemudahan

6. Pada pandangan anda, jika pengambilan tanah mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan negara, adakah anda tetap tidak bersetuju?

Ya

Tidak

7. Apakah bentuk nilai pampasan yang sesuai diberikan bagi menggantikan kerugian yang dialami?

Wang Tunai

Pemilikan Tanah Baru

Rumah Baru

Sila nyatakan: _____

8. Apakah kemungkinan kesan kepada diri anda sekiranya pengambilan tanah berlaku di kawasan anda?

Hilang punca pencarian


Kesukaran untuk mendapatkan tempat baru

Memakan masa yang lama (untuk membina tempat baru)

Jauh daripada tempat kerja

Sila nyatakan: _____

Lampiran C : Pelan Akui Rizab Orang Asli Kampung Orang Seletar, Kuala Masai



PTD 111493 atau Lot 155011 merupakan Rizab Orang Asli Kampung Orang Seletar Kuala Masai, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru

Lampiran D Kawasan Kampung Stulang Laut dan Taman Stulang Laut



Lampiran E Kemudahan di Kampung Kuala Masai



